

BAB I

KONSEP MASJID MENURUT *AL-SUNNAH*

BAB I

KONSEP MASJID MENURUT *AL-SUNNAH*

1.1 Pendahuluan

Masjid hanya lebih dikenali dalam erti katanya yang sebenar setelah munculnya Islam sebagai penyudah kepada agama-agama *samāwi* sebelumnya yang dibawa oleh Nabi Muhammad *s.a.w.* Meskipun perkataan masjid atau bangunan masjid itu sendiri telah wujud lebih awal sebelum Islam, namun perkembangan, peranan dan fungsinya sangat terhad.

Dalam memperkatakan tentang konsep masjid, ianya menjadi pokok pembahasan yang mesti diketahui dan difahami sedalam-dalamnya sebelum melanjutkan perbincangan-perbincangan yang kontroversi dalam kajian yang berhubung dengan masjid. Memahami konsep atau pengertian masjid yang sebenar, sering tidak diindahkan oleh masyarakat sehingga masjid disalah tafsirkan dengan makna yang sempit sebagai tempat ibadat orang-orang Islam sahaja.

Bagi membincangkan topik ini secara meluas, kajian ini telah menyajikan beberapa tajuk penting dalam bab ini untuk mengenali maksud sebenar konsep masjid menurut *al-Sunnah*.

1.2 Definisi Masjid

Sebelum diperkatakan lebih lanjut konsep masjid menurut *al-Sunnah*, kajian ini terlebih dahulu memperkatakan definisi masjid menurut pengertian yang terdapat menerusi kamus dalam bahasa Arab dan juga kitab-kitab yang muktabar serta melalui pendapat beberapa ahli bahasa dan juga ulama *fuqaha*¹ di dalamnya sebagai satu pengenalan khusus yang perlu difahami dan dihayati dari segi makna dan maksudnya yang sebenar.

Diantara definisi masjid yang hendak diperkatakan itu ialah :-

a. Masjid Dari Segi Bahasa (Arab)

Perkataan masjid berasal daripada bahasa Arab yang diambil dari kata pokoknya sebagaimana dikatakan oleh Ibn Sidah iaitu *Sajada* - telah sujud, *Yasjudu* - sedang sujud dan *Sujūdān* - meletakkan dahinya ke bumi.¹ Firman Allah :

¹ Ibn Manzūr, Muhammad Ibn al-Mukarram., *Lisān al-‘Arab*, Kaherah, t.t., jil. iii., hal. 1940.

وَخَرُوا لِهِ سَجْدًا²

Terj: *Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf.*

Sujud dari segi bahasa pula ialah tunduk atau merendahkan diri. Manakala sujud bagi sembahyang itu ialah meletakkan dahi di atas permukaan bumi, dan tiada ada tunduk yang lebih besar selain daripadanya. Dan sesiapa yang merendahkan diri dan tunduk tatkala diperintahkan dengannya, maka sesungguhnya ia telah sujud.

Firman Allah :

أَوْلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَتَفَيَّأُونَ ظَلَلَهُ عَنِ اليمين
وَالشَّمَائِلِ سَجَدًا لِلَّهِ وَهُمْ دَخْرُونَ³

Terj: *Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-pindah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedang mereka merendahkan diri.*

Menurut al-Zajjāj : Setiap tempat memperhambakan (bersujud) kepadanya, maka ia adalah dikatakan masjid.⁴ Rasulullah s.a.w bersabda :

² S. Yusuf : A. 100.

³ S. al-Nahl : A. 48.

⁴ Ibn Manzūr, *Lisan..*, hal. 1940.

⁵ جعلت لى الأرض مسجداً وطهوراً

Terj: *Telah dijadikan bagiku bumi ini sebagai tempat sujud dan suci.*

Adapun perkataan *masjad* dan *masjid* itu bermaksud tempat sujud, dan *jama'*nya disebut *masājid*. Menurut Ibn al-A‘rabi : *masjad* itu bermaksud *mihrab* bagi rumah, dan *masjid* pula ialah tempat berjemaah. Kata *Jama'*nya disebut *Masājid*. Menurutnya lagi *masājid* juga diertikan dengan anggota-anggota yang digunakan untuk bersujud di atasnya, seperti dahi, dua tangan, dua lutut dan dua tapak kaki.⁶

b. Dari Segi *Syara'*

Al-Zarkasyi⁷ menta'rifkan pengertian masjid pada *syara'* itu ialah : Setiap tempat dari permukaan bumi. Sebagaimana disebutkan dalam *hadīth* Rasulullah s.a.w:

⁵ Al-Bukhārī, Abu Muhammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, *Kitāb al-Tayammum*, Beirut, 1997, bil. 335., 1: 125.

⁶ Ibn Manzūr, *op cit.*

⁷ Al-Zarkasyī, Muhammad Ibn ‘Abd Allah al-Zarkasyī, *I‘lām al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*, Kaherah, 1989., cet. ii., hal. 27.

⁸ جعلت لى الأرض مسجدا.

Terj: *Telah dijadikan bagiku bumi ini tempat sujud.*

Hadis di atas menunjukkan bahawa keseluruhan permukaan bumi ini adalah bersih dan boleh dijadikan tempat bersujud atau bersembahyang walau dimana sahaja berada. Dan ini adalah merupakan satu *syari'at* Allah yang hanya diberikan khusus kepada umat Nabi Muhammad s.a.w sahaja dan tidak kepada umat-umat sebelumnya.

Menurut al-Qurtubi ⁹ : Ini adalah daripada apa yang dikhususkan oleh Allah kepada Nabinya. Adapun Nabi-Nabi sebelumnya, mereka hanya diharuskan untuk bersembahyang pada tempat-tempat yang khusus seperti gereja dan tempat-tempat suci bagi orang-orang Nasrani.

Al-Qadi 'Iyad pula menjelaskan¹⁰ : kerana umat-umat sebelum kami, mereka itu tidak akan bersembahyang kecuali pada tempat-tempat yang meyakinkan mereka kesuciannya. Dan kami telah mengkhususkan bagi kami pada mengharuskan bersembahyang itu dimana-mana sahaja dimuka bumi ini, kecuali pada tempat yang meyakinkan kami mengandungi najis-najisnya.

⁸ Al-Bukhari, *op cit.*

⁹ Al-Zarkasyi, *op cit.*

¹⁰ *Ibid.*

Manakala al-Muhallab¹¹ pula mengatakan dalam *Syarh al-Bukhari*: bahawa yang dikhkususkan dengannya kepada Nabi Muhammad s.a.w itu, ialah dijadikan bumi ini suci sahaja. Adapun menjadikannya sebagai masjid (tempat sujud) maka tidak ada dalam hadis yang menegah daripada yang lainnya.

Menurut al-Hariri pula masjid pada *syara'* itu ialah : suatu tempat atau kawasan daripada permukaan bumi ini yang bebas daripada dimiliki oleh seseorang dan dikembalikan kepada yang ampunyanya kerana Allah Ta'ala dan dikhkususkan untuk bersembahyang dan beribadat padanya.¹² Jika tidak disebut oleh seorang pun daripada orang-orang yang terdahulu (*salaf*) ke atas setiap tempat yang biasanya mereka bersembahyang padanya dengan nama masjid, bahkan mereka menghadkan dengan syarat-syarat dan kuasa-kuasa untuk dijadikan tempat sebagai masjid, daripadanya syarat berjemaah ke atasnya, dan dia berusaha untuk mewakafkan miliknya sebagai wakaf yang *sahih* berkekalan tanpa ada syarat dan pilihan padanya, maka jika dia tidak mewakafkannya, yang demikian itu bukanlah ia sebagai masjid, sekalipun tempat itu dijadikan tempat sembahyang seperti tempat bersembahyang di rumah-rumah.¹³

¹¹ *Ibid.*

¹² al-Hariri, Muhammad Ibn Husayn al-Hariri, *Ahkām al-Masājid fi al-Islām*, Riyad, 1990., hal. 18.

¹³ *Ibid.* Lihat juga al-'Asqalāni, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalāni, *Fath al-Bārī bi Syarh Sahīh al-Bukhārī*, Beirut, t.t., 1: 522.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, menunjukkan bahawa sesuatu tempat itu tidak akan menjadi masjid sehingga tuan yang ampunya tempat itu menyerahkannya sebagai masjid. Apabila tempat itu menjadi masjid, maka lupakan segala hak milik seseorang itu daripadanya dan dikembalikan kepada Allah s.w.t.

Apabila dinamakan masjid kepada yang tidak diwakafkan, maka dinamakan dia sebagai *Majaziyah* atau disebut pada bahasa sahaja. Menurut *Şahib al-Dar* selepas menjelaskan hukum membuang air kecil, bersetubuh dan memasukkan najis ke dalam masjid beliau berkata : adalah tidak makruh atau tidak ditegah perkara yang tersebut itu di atas, rumah terdapatnya masjid, bahkan walau tidak ada padanya kerana ia bukan masjid pada syara'.¹⁴

Sebagai kesimpulan daripada penjelasan di atas, dapat difahamkan bahawa masjid pada *syara'* itu ialah : suatu kawasan atau tempat sama ada mempunyai bangunan batu atau kayu, atau tiada bangunan tetapi ianya dikhaskan dan diniatkan kepada Allah s.w.t untuk dijadikan sebagai masjid. Seperti mana firman Allah :

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

¹⁴ Al-Harīrī, *op cit*.

¹⁵ S. al-Jin : A. 18.

Terj: *Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.*

1.2.1 Perbezaan Antara Masjid *Jāmi'*, Masjid Dan Surau

Masjid adalah satu perkataan yang menunjukkan kepada suatu tempat yang dijadikan sebagai tempat perkumpulan orang-orang Islam untuk menunaikan kewajiban mereka kepada Allah s.w.t.

Pada zaman Rasulullah s.a.w dan awal Islam, masjid dijadikan sebagai tempat orang-orang Islam menunaikan sembahyang berjemaah lima waktu dan juga Jumaat padanya. Begitu juga di zaman-zaman selepas Baginda hingga sekarang peranan dan fungsi masjid seperti itu masih kekal dan tidak berubah.

Jika dilihat kepada sejarah awal Islam terdapat beberapa perbezaan maksud dan peranan institusi masjid sama ada dari segi penggunaannya dan juga hukum-hukumnya. Perkara ini dapat dilihat pada penamaan sesuatu tempat itu seperti Masjid *Jāmi'*, Masjid, Surau (*Musalla*) dan sebagainya.

Menurut Syeikh Tāha al-Walī¹⁶ dalam mendefinisikan maksud dan perbezaan antara *al-Jāmi'* dan *al-Masjid* adalah seperti berikut:

Adapun kalimat "al-Jāmi'" dan "al-Masjid" itu mempunyai persamaan dari segi makna dan maksudnya. Akan tetapi keutamaan antara satu daripada keduanya adalah bersifat umum dan khusus. Oleh itu setiap Jāmi' pada satu-satu masa itu disebut juga sebagai Masjid, dan tidak setiap Masjid itu Jāmi'. Perbezaan antara keduanya ialah sesungguhnya "al-Jāmi'" itu ialah Masjid yang didirikan padanya sembahyang berjemaah. Manakala "al-Masjid" pula ialah satu tempat bagi orang-orang Islam mendirikan sembahyang harian mereka.

Pada masa pembukaan Islam pada zaman pemerintahan 'Umar Ibn al-Khattab, beliau pernah mengutuskan perintah kepada gebnor-gebnor Islam dan penglima-penglima perang yang menguasai negeri-negeri yang di takluki, seperti Abu Musa al-Asy'ari di Basrah telah diperintahkan supaya mendirikan masjid untuk berjemaah dan mendirikan masjid-masjid untuk kabilah-kabilah. Dan apabila tiba hari Jumaat hendaklah mereka berkumpul di *Masjid al-Jamā'ah*. Dan begitu juga beliau mengutuskan kepada Sa'd bin Abu Waqqas di Kufah dan begitu juga 'Umru bin al-Āṣ di Mesir dalam perkara yang sama. Beliau juga telah mengutuskan perintah kepada penglima-penglima perang di Syam supaya mereka tidak menjauhkan diri ke kampong-kampong pendalaman untuk turun ke kota-kota supaya mereka mendirikan pada setiap bandar atau kota itu sebuah Masjid dan tidak mendirikan masjid-masjid

¹⁶ *al-Masājid fi al-Islām*, Beirut, 1988., cet. i., hal. 145.

untuk kabilah-kabilah. Dan adalah mereka pada ketika itu berpegang pada perintah ‘Umar.¹⁷

Menurut al-Khatib al-Baghdadi, orang yang mula-mula membenarkan sembahyang Jumaat di mana-mana tempat dalam sebuah negeri itu ialah Khalifah al-Mu’tadhid bi Allah yang meninggal pada tahun (289H). Sebab berlakunya yang demikian itu ialah kerana Amir al-Mukminin telah dikhabarkan mengenai dengan kesesakkan masjid *Jāmi’* di barat Madinah al-Salam di Madīnah al-Mansūr di Baghdad, sehingga tidak boleh menampung jemaah bersembahyang di dalamnya. Oleh itu baginda telah memerintahkan supaya membina sebuah masjid yang sama di perkarian Istananya, dan mula digunakan pada tahun (280H). Tatkala baginda hendak diganti pada kira-kira tahun (289H), baginda meninggalkan istana dan memerintahkan supaya timbok-timbok yang dibinanya di roboh untuk didirikan ke atasnya tapak masjid *Jāmi’* tempat orang-orang Islam bersembahyang di dalamnya. Maka dengan yang demikian itu berpusu-pusulah orang-orang Islam pergi ke masjid *Jāmi’* itu pada hari jumaat, bahkan tidak dilarang memasukinya untuk mendirikan sembahyang sehingga waktu petang. Dan sejak dari itu berlakulah sembahyang jumaat di Baghdad pada tiga masjid *Jāmi’* sebagaimana yang tersebut sehingga

¹⁷ *Ibid.* Lihat juga Ahmad Syalabi, *Tarikh al-Tarbiyah al-Islam*, Kaherah, 1960., cet. ii., hal. 87.

zaman pemerintahan al-Muttaqi.¹⁸ Beginilah yang berlaku di kota Baghdad, manakala di Kaherah dan Damsyik berlakunya sembahyang jumaat yang berbilang-bilang ini selepas zaman berikutnya.

Para pengkaji sejarah telah menjelaskan bahawa *al-Jāmi'* itu berbeza dengan Masjid dalam dua perkara :

Pertama: Dari segi mendirikan sembahyang fardu jumaat dan sembahyang berjemaah. Dalam hal ini Yunus al-Syeikh Ibrahim al-Samira'i dalam kitabnya "Masājid Baghādāt al-Hadīthah", menjelaskan ; Sesungguhnya *al-Jāmi'* itu disebut ke atas masjid yang mendirikan sembahyang lima waktu di dalamnya, sembahyang jumaat dan dua hari raya. Adapun masjid pula ialah disebut ke atas masjid yang di dirikan padanya sembahyang lima waktu sahaja.

Kedua : Di lihat pada wujudnya mimbar pada *jāmi'* dan tidak pada masjid.¹⁹

Dalam kitab "al-Qāmūs al-Islāmī", telah menjelaskan pengertian kalimah *al-Jāmi'* seperti berikut:-

Sesungguhnya *al-Jāmi'* itu merangkumi sifat bagi masjid, dan menjadi tanda ke atasnya. Disebut pada

¹⁸ Al-Harīrī, *al-Masājid.*, hal. 146.

¹⁹ *Ibid.* hal. 147.

asalnya *Masjid Jami'*, yang bermaksud masjid tempat menunaikan sembahyang berjemaah atau masjid untuk mendirikan padanya sembahyang jumaat, sebagaimana juga disebutkan lafaz *al-Jami'* itu ke atas masjid-masjid yang besar secara umum dan berbeza dengan yang lainnya.²⁰

Pada zaman mutakhir ini, manusia telah menggunakan lafaz *al-Jami'* ini dengan makna masjid yang terdapat padanya beberapa halaqah dalam berbagai bidang ilmu dan terkumpul padanya berbagai kumpulan manusia seperti yang terdapat di *al-Jami'* al-Azhar Kaherah, *Jami'* Sayidi 'Uqbah di Qirwan, Tunis, dan *Jami'* al-Zaitunah di ibu negara Tunis.²¹

Selain daripada *jami'* dan masjid dijadikan sebagai tempat orang-orang Islam sembahyang berjemaah, terdapat juga sebuah lagi tempat berjemaah di zaman Rasulullah s.a.w yang dikenali sebagai *al-Musalla* atau yang kita kenali sebagai Surau. Perkataan *al-Musalla* ini juga ada disebutkan dalam firman Allah :

²² وانخذوا من مقام ابراهيم مصلى

Terj: *Dan jadikanlah oleh kamu maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.*

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² S. al-Baqarah: A. 125.

Ayat di atas bertujuan bagi menjelaskan bahawa maksud *al-Musalla* itu adalah juga tempat untuk bersembahyang atau *berdo'a*. Jika *jāmi'*, masjid dan *al-Musalla* itu merupakan²³ makna atau tujuan yang sama, tetapi fungsi dan peranannya ada perbezaan antara satu sama yang lain, sebagaimana juga perbezaan antara *jāmi'* dan masjid.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, *musalla* itu pada asalnya digunakan sebagai tempat mendirikan sembahyang berjemaah pada munasabah-munasabah tertentu sahaja, seperti sembahyang dua hari raya, sembahyang jenazah, al-Istisqā' dan juga sembahyang syukur. Sembahyang-sebahyang sebegini telah dilakukan di sebuah tempat atau kawasan yang lapang dan tidak ada batasnya serta tidak mempunyai atap yang melindunginya. Dan *musalla* yang pertama dalam Islam itu ialah *musalla* yang pernah Nabi s.a.w bersembahyang padanya iaitu di 'Aqiq Madinah.²³

Antara sebab kenapa Rasulullah s.a.w itu mendirikan sembahyang berjemaah dua hari raya di tempat atau kawasan yang lapang dan bukan di masjid, ialah kerana untuk memberi peluang kepada seluruh umat Islam lelaki dan perempuan, dan juga kanak-kanak sama-sama mengerjakan sembahyang tersebut secara beramai-ramai dan merayakannya dengan penuh penghayatan dan kesyukuran.

²³ Taha al-Wali, *op cit.*, hal. 79, 80.

Bagi membezakan antara masjid *jāmi'*, masjid dan surau (*musalla*), ulama fuqaha telah memberikan pendapat pada menghukumkan *musalla* itu sebagai masjid atau pun tidak.

Pertama : *al-Syafi'iyyah* berpendapat bahawa *musalla* itu bukanlah masjid. Sebab mereka berpendapat sedemikian ialah kerana masjid itu adalah tempat untuk menunaikan sembahyang lima waktu.²⁴ Menurut al-Zarkasyī : al-Ghazālī telah ditanya dalam fatwanya mengenai dengan *musalla* yang dibina untuk sembahyang hari raya di luar kota, maka beliau berkata : Tidak *dīhabitkan* baginya hukum masjid dalam *i'tikāf*, tinggal duduk bagi orang-orang junub dan lainnya daripada hukum-hukum masjid, kerana masjid itu adalah tempat yang disediakan untuk sembahyang rawatib dan ditentukan baginya sehingga tidak memberi manfaat dengannya pada yang lain.²⁵ Dan tempat menunaikan sembahyang hari raya itu adalah di sediakan untuk perkumpulan-perkumpulan, perhentian kafilah-kafilah, menunggang binatang dan tempat bermain kanak-kanak. Dan tidak terdapat pada kebiasaan orang-orang *salaf* menegah sesuatu itu daripada berlaku padanya. Kalauolah ia dikatakan masjid nescaya ia akan dijaga daripada sebab-sebab ini, kerana tujuan untuk mendirikan sembahyang *rawatib*, dan sembahyang hari raya itu hanyalah sunnat dan dia tidak

²⁴ Al-Harīrī, *Ahkām..*, hal. 23.

²⁵ Al-Zarkasyī, *I'lām..*, hal. 386.

perlu diulang-ulang bahkan ia dibina untuk tujuan perkumpulan, dan sembahyang akan berlaku di dalamnya dengan mengikutnya.²⁶

Kedua : *al-Hanabilah* berpendapat : Adapun *musalla* untuk sembahyang hari raya itu adalah masjid baginya. Dan tidakkah bagi masjid-masjid itu mempunyai hukum-hukumnya. Adapun *musalla* jenazah itu bukanlah daripada masjid. Menurut al-Mardawi ; *musalla* hari raya itu adalah masjid menurut mazhabnya yang *sahih*. Begitu juga pendapat *al-Furu'*. Dan *musalla* jenazah itu bukanlah masjid sama sekali. Hujjah mereka ialah bahawa Nabi s.a.w memerintahkan perempuan yang haid supaya menjauhi *musalla* hari raya. Manakala *musalla* jenazah itu bukannya masjid, kerana sembahyang jenazah itu tidak ada pada *ruku'* dan *sujud*.²⁷

Ketiga : *al-Hanafiyah* pula berpendapat : Pada hakikatnya perkara ini pada mereka, *musalla* itu bukanlah masjid. Akan tetapi ianya mempunyai hubungan dengan masjid-masjid pada sebahagian hukum-hukum dan tidak pada sebahagiannya.²⁸

²⁶ *Ibid.* Lihat juga al-Hariri, *op cit.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.* hal. 24.

1.2.2 Pengertian Masjid Yang Sebenar

Sungguhpun Islam itu memberikan kebebasan kepada umatnya untuk menunaikan sembahyang dimana-mana sahaja mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh *syara'*, akan tetapi terdapat juga beberapa sembahyang yang dikerjakan secara berkumpulan atau berjemaah di suatu tempat yang khusus yang bukan sahaja untuk mendapatkan ganjaran pahala yang banyak daripada Allah s.w.t semata-mata, bahkan Nabi s.a.w menjadikan tujuan berjemaah itu sebagai tempat untuk perjumpaan orang-orang Islam antara satu sama yang lain, berkenal-kenalan, membincangkan hal ehwal kehidupan seharian, bertukar-tukar pendapat, memberi nasihat, membuat kerja-kerja berkebajikan dan sebagainya.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, masjid merupakan nama tempat bagi seseorang hamba itu sujud menyembah Allah s.w.t. Dinamakan ia sebagai masjid, kerana sujud itu adalah semulia-mulia perbuatan dalam sembahyang bagi mendekatkan diri seorang hamba itu kepada Allah s.w.t.

Menurut al-Zarkasyī : Sesungguhnya dikhususkan dengan nama masjid itu ialah sebagai tempat mengajak manusia untuk bersembahyang lima waktu, sehingga mengeluarkan orang-orang yang sembahyang berjemaah di dalamnya bagi sembahyang dua hari raya dan sebagainya dengan tidak memberikan hukumnya, dan

begitu juga *al-Ribat*, dan sekolah-sekolah, kerana yang demikian itu digunakan bagi tujuan lain.²⁹

Berdasarkan kepada perbezaan pengertian masjid *jāmi'*, masjid dan surau sebelum ini, bahawa pengertian sebenar institusi-institusi di atas sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w adalah seperti berikut:

Pertama : Pengertian masjid *jāmi'* itu adalah merangkumi makna masjid pada keseluruhannya. Ianya digunakan khusus untuk mendirikan sembahyang berjemaah lima waktu, jumaat, kedua hari raya dan sebagainya. Dinamakan ia *jāmi'* kerana pada asalnya ia dijadikan sebagai tempat orang-orang Islam sembahyang berjemaah khususnya sembahyang fardu jumaat.³⁰

Kedua : Masjid itu ialah tempat bersembahyang yang khusus bagi mendirikan sembahyang *rawātib* sahaja secara berjemaah. Dan masjid ini biasanya di dirikan di kampong-kampong atau di luar kota. Manakala masjid *jāmi'* terletak di kota.

Ketiga : Surau pula atau *muṣalla*, ialah tempat mendirikan sembahyang berjemaah dua hari raya, *jenāzah*, *al-Istisqā'*, *syukur* dan sebagainya.

²⁹ Al-Zarkasyī, *op cit.*, hal. 28.

³⁰ Taha Wali, *al-Masajid..*, hal. 147.

1.2.3 Perubahan Konsep Masjid Sepanjang Sejarah

Sesungguhnya setiap sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w itu adalah bertujuan untuk mengajar manusia serta menjadi contoh teladan kepada umat manusia seluruhnya. Sebagaimana firman Allah :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ³¹

Terj: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.*

Ini bererti setiap sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w itu telah diperlakukan oleh baginda dengan pengertian, penggunaan dan perbezaan antara satu sama yang lain supaya tidak mengelirukan manusia tujuan baginda melakukan sesuatu perkara tersebut.

• • •

Dalam hal ini, pada zaman Rasulullah s.a.w pengunaan institusi-institusi masjid sebagaimana yang tersebut di atas adalah mengikut konsep dan peranan yang sebenar dan berbeza antara satu sama yang lain.

Dengan berkembangnya penduduk Islam yang tinggal di sebuah kawasan atau kota, maka pada zaman pemerintahan Amir al-Mukminin al-Mu'tadid bi Allah

³¹ S. al-Ahzab : A. 21.

tahun (279-289H/892-902M),³² telah berlaku satu perubahan dalam konsep masjid iaitu masjid *jāmi'* yang sepatutnya satu menjadi tiga dalam sebuah kota sebagaimana yang berlaku di Baghdad. Punca yang menyebabkan berlakunya fenomena ini ialah kerana masjid *jāmi'* yang ada pada masa itu tidak boleh menampung kehadiran jemaah yang bersembahyang di dalamnya. Selain daripada itu, pada satu ketika yang lain pula penggunaan perkataan *jāmi'* yang bermaksud masjid, juga digunakan sebagai tempat atau pusat pengajian ilmu seperti yang berlaku di *jāmi'* al-Azhar, Mesir dan sebagainya.

Melihat kepada perubahan konsep ini, pada hari ini manusia memandang bahawa perkataan *jāmi'* dan masjid itu adalah mempunyai makna yang sama. Masjid sudah ada yang mempunyai mimbar serta mendirikan sembahyang *fardū* jumaat padanya. Masjid juga lebih mudah dikenali sebagai tempat sembahyang berjemaah atau jumaat, seolah-olah masjid itu *jāmi'* dalam erti yang sebenar. Bahkan penggunaan perkataan *jāmi'* amat jarang digunakan bagi masjid-masjid yang lebih besar. Ini menunjukkan bahawa fungsi dan peranan *jāmi'* sudah tidak ada perbezaannya sebagaimana juga pengertiannya yang sebenar. Walau bagaimana pun hukum kedua-dua institusi ini tidaklah terjejas, bahkan keduanya tetap dihukumkan sebagaimana hukum masjid.

³² Taha Wali., *op cit.*, hal. 146. Lihat juga, Mahayudin & Ahmad., *Sejarah Islam.*, Kuala Lumpur., 1993., hal. 287.

Faktor yang menyebabkan perbezaan konsep ini antara lain adalah disebabkan oleh perubahan masa dan perkembangan umat Islam seharian. Jika konsep masjid sudah dikategorikan sebagai *jāmi'*, bagaimana pula dengan surau atau *musalla*?.. Jika pada zaman Rasulullah s.a.w konsep *musalla* itu hanyalah digunakan sebagai tempat berjemaah sembahyang kedua hari raya, *jenazah*, dan *istisqa'*, berbeza dengan *musalla* yang ada sekarang, ianya bukan sahaja sebagai sebuah bangunan, bahkan surau atau *musalla* sekarang telah bertukar konsepnya sebagai masjid atau *jāmi'*, dimana kebanyakkan surau atau *musalla* khususnya disebelah asia tenggara ini didirikan padanya sembahyang berjemaah lima waktu, sembahyang jumaat dan sebagainya, meskipun hukum surau itu berlainan dengan masjid ataupun *jāmi'*.

Melihat kepada fenomena ini, penulis berpendapat, sebenarnya fenomena ini terjadi kerana kurangnya kefahaman pihak-pihak tertentu seperti pewakaf, pengguna dan sebagainya dalam mengertikan pengertian surau atau *musalla* yang sebenarnya. Pada hakikatnya surau-surau yang didirikan di kariah-kariah itu bukannya untuk tujuan sembahyang berjemaah kedua hari raya semata-mata sebagaimana pengertiannya yang sebenar, akan tetapi pada umumnya surau-surau pada masa sekarang didirikan sebagai tempat sekurang-kurangnya sembahyang berjemaah lima waktu oleh ahli-ahli kariah berkenaan, bahkan terdapat juga surau-surau yang mendirikan sembahyang *fardū* jumaat serta ditugaskan padanya imam-imam yang tetap. Ini menunjukkan betapa jauhnya perbezaan konsep surau yang sebenar dengan yang ada sekarang. Fenomena ini amat jelas sekali disalahgunakan pada penamaan

sesuatu tempat itu tanpa memikirkan kesannya kepada hukum-hukum masjid yang sebenar.

:

1.3 Masjid dan Hukum-Hukumnya

Masjid merupakan tempat yang paling suci bagi orang-orang Islam membersihkan diri daripada melakukan maksiat dan dosa kepada Allah s.w.t. Firman Allah Ta'āla :

إِنَّمَا يَعْمَرُ مسجِدَ اللَّهِ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَاقِمُ الصَّلَاةَ
وَعَاتِي الزَّكُوْهُ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهُ فَعُسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ
³³
الْمُهَتَّدِينَ

Terj: *Hanyasanya yang layak mema'murkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan memunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat pertunjuk.*

Sesungguhnya peranan masjid kepada manusia itu amatlah banyak sekali yang mengandungi dalam berbagai aspek kehidupan manusia. Tujuan di sebalik mendirikan masjid itu sudah tentu memberikan banyak manfaatnya kepada kesejahteraan hidup di

³³ S. al-Taubah : A. 18.

dunia mahu pun di akhirat. Ini menunjukkan betapa masjid-masjid itu mempunyai kelebihan dan keistimewaan di sisi Allah s.w.t mahu pun kepada umat Islam sendiri.

:

1.3.1 Kelebihan Membina Masjid

Setiap perbuatan serta amal yang dilakukan semata-mata ikhlas kerana Allah s.w.t, sudah tentu akan menerima ganjaran daripadanya. Allah menegaskan dalam firmanya:

فَأَتَبِعُهُمْ أَنَّهُمْ عَا قَالُوا جَنَّةٌ مِّنْ تَحْتِهَا الْأَفْرُرُ خَلَدِينَ فِيهَا
وَذَلِكَ حِزْ آءُ الْخَيْرِ³⁴

Terj: *Lalu Allah memberikan pahala kepada mereka disebabkan (pengakuan iman yang ikhlas) yang telah mereka ucapkan, (iaitu mereka dibalas dengan) Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka pula tetap kekal di dalamnya. Dan yang demikian itu, adalah balasan orang-orang yang berusaha berbuat kebaikan.*

Mengutamakan pembalasan atau ganjaran daripada Allah s.w.t, adalah merupakan matlamat utama dalam amal perbuatan manusia di dunia ini. Kerana balasan Allah itu adalah satu penghormatan terhadap usaha yang dilakukan yang menjurus ke arah keridaannya. Oleh itu ganjaran yang paling istimewa dijanjikan

³⁴ S. al-Ma'idah : A. 85.

kepada umat Nabi Muhammad s.a.w di syurga nanti, ialah ganjaran kepada orang-orang yang membangunkan masjid.

Membina masjid adalah salah satu daripada tanda keimanan kepada Allah s.w.t, serta takut kepadanya. Perbuatan membina masjid adalah merupakan amal kebajikan yang terpuji dan termasuk dalam lingkungan orang-orang yang mema'murkan masjid, kerana dengannya manusia dapat manfaat yang banyak di dalamnya daripada Allah s.w.t. Firman Allah Ta'ala :

فِي بُيُوتٍ أَذْنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرُ فِيهَا أَسْمَهُ يُسْبَحُ لَهُ فِيهَا بِالْغَدْرِ
وَالْأَصْمَالِ³⁵

Terj: (*Nur hidayah pertunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.*

Dalam ayat di atas telah menyebutkan perkataan (السرف). Terdapat dua makna yang boleh diertikan padanya, sama ada yang disebut dalam bahasa 'Arabnya (حنفي) bermaksud bangunan masjid, dan (عازري) yang bermaksud menonjolkan kemuliaannya

³⁵ S. al-Nur : A. 36.

atau membesarkan tempatnya.³⁶ Telah berkata ulama : yang dimaksudkan dengan rumah-rumah itu ialah masjid-masjid. Dan dikatakan lagi : masjid-masjid itu ialah rumah-rumah Allah yang menyinari bagi ahli langit sebagaimana bintang-bintang menyinari bagi ahli bumi.³⁷

Terdapat banyak hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang menyeru supaya mendirikan masjid serta menerangkan balasan atau ganjaran yang bakal diterima di akhirat kelak. Di antara hadis Rasulullah s.a.w itu ialah :

من بنى مسجداً ينتهي به وجه الله، بنى الله له مثله في الجنة³⁸

Terj: *Siapa membangun suatu masjid kerana mengharap keredaan Allah semata-mata, maka Allah bangunkan baginya suatu rumah di Syurga.*

Menurut al-Nawawi : Yang dimaksudkan dengan (ع.) di atas, iaitu sepertinya, ada dua pendapat. Pertama : di bina baginya rumah di Syurga, kelebihannya sama seperti rumah-rumah di Syurga, seperti kelebihan masjid ke atas rumah-rumah di dunia. Kedua : Seperti rumah yang sama. ³⁹ Manakala al-Qurtubi pula berkata:

³⁶ Al-Zarkasyī, *I'lām..*, hal. 36. Lihat juga Mansūr al-Rifa'i 'Abid., *Makanah al-Masjid wa Risalatuh..*, Kaherah., Cet. i., 1997., hal. 15.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Al-Bukhārī, *Sahīh..*, *Kitāb al-Ṣalāh..*, *Bab Man Bana Masjidan..*, bil. 450., jil. 1: 158.

³⁹ Al-Zarkasyī, *op cit.*, hal. 36 dan 37.

(الثانية) itu bukanlah atas makna zahirnya, akan tetapi maknanya ialah di bina baginya dengan pahalanya yang membawa kepada kemuliaan, kebesaran dan ketinggian. Hadis di atas juga menjelaskan bahawa ganjaran yang akan di terima itu, hanya akan dapat di nikmati berdasarkan kepada keikhlasan dan ketulusan niat kerana Allah s.w.t.

Di dalam *hadīth* yang lain pula Rasulullah s.a.w bersabda :

من بنى مسجداً لله كمحض قطاء، أو أصغر، بنى الله له بيته في
أجله⁴⁰

Terj: *Siapa membangun suatu masjid sebesar sangkar burung atau lebih kecil, maka baginya dibangunkan suatu rumah di syurga oleh Allah.*

Hadis di atas menunjukkan bahawa balasan atau ganjaran bagi orang-orang yang membuat kebajikan itu adalah berlipat ganda jika dibandingkan dengan amal kebajikan yang di buat oleh manusia di dunia. Jika dilihat kepada makna zahir hadis tersebut memanglah tidak memadai besar masjid yang dikehendaki itu untuk sesorang menunaikan sembahyang, akan tetapi yang dimaksudkan disini ialah kadar penambahan di dalam masjid atau kadar pembinaan yang dibuat dengan bergotong-

⁴⁰ Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, *Kitab Al-Masajid wa al-Jama’at*, *Bab Man Bana Lil lah Masjidan*, Kaherah., t.t., bil. 738, jil. 1: 244. Dalam kitab al-Zawa’d: *Isnadnya Sahih*, dan rawi-rawinya *thiqat*.

royong secara beramai-ramai dengan mengira hasil pembinaannya setiap seorang.⁴¹

Firman Allah Ta'ala :

وَمَا تَقْدِمُوا لَأَنفُسْكُمْ مِّنْ خَمْرٍ تَجْدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ

⁴²
بصیر

Terj: *Dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah, Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.*

1.3.2 Adab dan Peraturan Menghayati Masjid

Semulia-mulia tempat di muka bumi ini adalah masjid. Sepertimana sabda

Rasulullah s.a.w :

أَحَبُّ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا. وَأَبْغَضُ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا⁴³

Terj: *Tempat yang paling di sukai oleh Allah di sesebuah negeri itu ialah masjid-masjidnya, dan tempat yang paling di benci oleh Allah di sesebuah negeri itu ialah pasar-pasarnya.*

⁴¹ Al-'Asqalānī, *Fath*., hal. 545.

⁴² S. al-Baqarah : A. 110

⁴³ Muslim, Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisabūrī, *Sahīh Muslim*, *Kitāb Al-Masājid*, *Bāb Fadl al-Jūlūs fi Musallaḥ ba'd al-Subh*, Beirut., cet. 1., 1995., bil. 288., 1: 388.

Hadis tersebut menjelaskan bahawa kedudukan masjid-masjid itu adalah lebih utama di sisi Allah s.w.t.⁴⁴ Oleh itu memuliakan masjid-masjid itu adalah menjadi tanggungjawab umat Islam seluruhnya dengan mematuhi adab dan peraturan yang terkandung di dalamnya.

Dalam hal ini al-Imām al-Nawawī (meninggal tahun 676H) telah menggariskan sebanyak tiga puluh tiga hukum yang berhubung dengan masjid, seperti mana berikut⁴⁴:-

1. Adalah haram bagi orang-orang yang *berhadath* besar (junub) berhenti atau pun duduk diam di dalam masjid. Dan tidak haram dan juga tidak makruh baginya melintas di dalam masjid dari satu pintu ke satu pintu yang lain, sama ada kerana ada hajat atau pun tidak, atau sama ada dia boleh melalui jalan yang lain atau pun tidak.
2. Jikalau seseorang itu bermimpi junub (*berhadath* besar) di dalam masjid, maka wajib ke atasnya keluar daripada masjid, kecuali jika dia tidak berdaya untuk keluar disebabkan pintu masjid itu terkunci, atau pun disebabkan dia takut dirinya atau hartanya akan binasa jika dia keluar daripada masjid. Jika dia tidak berdaya dan

⁴⁴ Al-Nawawī, Abu Zakaria Muhyi al-Dīn Ibn Syarīf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmu'*, Beirut., t.t., hal. 199-208. Lihat juga, Jad al-Haq ‘Ali Jad al-Haq, *Buhūth wa Fatawa Islamiyah*., hal. 439-453.

takut untuk keluar, harus baginya duduk diam di dalam masjid, kerana darurat atau terpaksa berbuat begitu.

:

Jika dia bermimpi di dalam masjid yang mempunyai dua pintu, maka eloklah dia keluar daripada pintu yang lebih dekat. Jika pun dia keluar daripada pintu yang lebih jauh kerana ada sesuatu tujuan, seperti jalan menuju ke rumahnya dari arah yang demikian, maka tidaklah makruh baginya berbuat demikian.

3. Harus bagi orang yang berhadath kecil duduk di dalam masjid dengan *ijma'* orang-orang Islam, sama ada dia duduk kerana tujuan *syara'* seperti sembahyang, beri *tikaf*, mendengar bacaan al-Quran, mendengar ilmu, mendengar ceramah dan sebagainya atau pun tanpa tujuan *syara'* maka hukumnya juga harus dan tidak makruh.

—

4. Harus tidur di dalam masjid dan tidak makruh mengikut Mazhab Syafi'i. Dalil yang menunjukan tidak makruhnya tidur di dalam masjid itu sebagaimana perbuatan daripada Ibn 'Umar r.a beliau berkata :

أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ : أَنَّهُ كَانَ يَنْامُ، وَهُوَ شَابٌ أَعْزَبٌ لَا أَهْلٌ لَهُ فِي
45 مسجد النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

⁴⁵ Al-Bukhari, *Sahih.., Kitab al-Salah., Bab Naum al-Rijal fi al-Masjid.*, bil. 440., 1: 156.

Terj: *Telah dikhabarkan kepadaku oleh 'Abd Allah r.a, bahawasanya dia pernah tidur pada ketika dia belum beristeri (bujang) di dalam masjid Nabi s.a.w.*

Seterusnya Imam al-Nawawi menceritakan pendapat Imam al-Syafi'i (dalam al-Mukhtasar), Tidak mengapa bahawa orang musyrik bermalam di dalam mana-mana masjid, kecuali masjid al-Haram. Berkata pula para 'Ulama' mazhab al-Syafi'i : Bahawa tidak boleh mengizinkan orang-orang musyrik memasuki tanah haram Makkah. Ada pun selain daripada tanah haram Makkah, harus dan boleh orang kafir itu masuk ke dalam mana-mana juga masjid dan bermalam di dalamnya dengan kebenaran orang-orang Islam. Akan tetapi di tegah masuk masjid dan bermalam di dalamnya jika tidak ada kebenaran daripada orang Islam⁴⁶.

5. Harus dan boleh mengambil air sembahyang di dalam masjid apabila air *wudu* itu tidak menyakiti dan menyusahkan orang. Dan yang lebih utama ialah di lakukan dalam bejana.

Berkata al-Imam Malik : Makruh mengambil wudu di dalam masjid kerana menjaga kebersihan masjid.

⁴⁶ Al-Nawawi, *op cit.*, hal. 200.

6. Tiada mengapa makan, minum dan meletakkan hidangan di dalam masjid.

Begitu juga tidak mengapa membasuh tangan di dalam masjid, tetapi sayugialah diperingatkan agar sentiasa menjaga kebersihan masjid.

7. Makruh bagi orang yang makan bawang putih, bawang merah, kucai dan lain-lainnya daripada makanan yang mempunyai bau yang kurang menyenangkan dan kekal baunya, masuk ke dalam masjid dengan tiada hajat atau keperluan. Ini berdasarkan sebuah *hadith* Rasulullah s.a.w :

من أكل من هذه الشجرة — يعني الثوم — فلا يقرب مسجدنا⁴⁷

Terj: *Barangsiapa makan daripada sayuran ini (bawang putih), maka jangan dia mendekati masjid kami sehingga hilang baunya.*

Tidak haram mengeluarkan angin daripada dubur (berkentut) di dalam masjid.

Akan tetapi lebih utama dan elok menghindarinya daripada berbuat demikian.

8. Makruh berludah di dalam masjid, sebagaimana dithabitkan dalam *hadith* Nabi s.a.w sabdanya :

البزاق في المسجد خطيبة، و كفارها دفنها⁴⁸

⁴⁷ Al-Bukhārī, *Sahīh.., Kitāb al-Adhān. Bāb Ma Ja' fi al-Thūm al-Niy' wa al-Basal wa al-Kurāth*, bil. 853., 1 : 258.

⁴⁸ *Ibid., Kitāb Ṣalāh. Bāb Kaffārah al-Buzāq fi al-Masjid.*, bil. 415., 1 : 148.

Terj: *Berludah di dalam masjid itu satu kesalahan, dan kifarahnya ialah dengan menanamkannya atau membersihkannya.*

9. Haram membuang air kecil (kencing) di dalam masjid, sekali pun ditadah dengan menggunakan bejana. Dan makruh berbekam di dalam masjid dengan menggunakan bejana. Begitu juga haram memasukkan benda-benda najis ke dalam masjid. Ada pun bagi orang yang terdapat di badannya najis atau ada luka di badannya, maka jika dia takut akan mengotorkan masjid dengan najis itu, haram ke atasnya masuk ke dalam masjid itu. Jika masjid itu selamat daripada najis, maka tidaklah haram ke atasnya masuk ke dalam masjid. Ini berdasarkan sebuah *hadith* Rasulullah s.a.w sebagaimana sabdanya:

أَنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدُ لَا تَصْلِحُ لِشَيْءٍ مِّنْ هَذَا الْبُولِ وَلَا الْقَذْرِ إِنَّمَا
هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالصَّلَاةِ، وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ.⁴⁹

Terj: *Sesungguhnya masjid-masjid ini tidak layak untuk sesuatu daripada air kencing dan tidak pula kotoran tahi. Akan tetapi hanya masjid-masjid itu untuk mengingati Allah, sembahyang dan membaca al-Quran.*

⁴⁹ Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Tahārah. Bāb Wujūb Ghusl al-Bawl wa Ghairih min al-Najasat*, bil. 100/285., jil. 1: 199.

10. Makruh menanam pokok di dalam masjid dan juga menggali telaga di dalamnya, kerana ia dibina pada harta yang lainnya, dan imam hendaklah mencabutnya segala pokok yang ditanam di dalam masjid itu.

11. Makruh berbantah-bantahan di dalam masjid dan meninggikan suara di dalamnya. Begitu juga makruh bersuara mencari benda yang hilang, berjual beli dan sebagainya di dalam masjid. Rasulullah s.a.w pernah bersabda :

من سمع رجلا ينشد ضالة في المسجد، فليقل: لا ردها الله عليك.
فإن المساجد لم تبن لهذا.⁵⁰

Terj: *Barangsiaapa yang mendengar seseorang bersuara mencari benda yang hilang di dalam masjid, maka katakanlah kepadanya: Allah tidak akan mengembalikannya kepadamu, kerana sesungguhnya masjid tidak di bina untuk tujuan itu.*

Dalam *hadith* yang lain pula Nabi s.a.w bersabda:

إذا رأيتم من يبيع أو ينبع في المسجد فقولوا : لا أربح الله
بمغارتك، وإذا رأيتم من ينشد فيه الضالة فقولوا: لا ردها الله
عليك.⁵¹

Terj: *Jika kamu melihat sesiapa yang berjual atau membeli dalam masjid, maka katakanlah: Allah tidak*

⁵⁰ *Ibid, Kitāb al-Masājid. Bāb al-Nahy ‘An Nasyd al-Dālat fi al-Masjid*, bil. 79/568., 1: 332.

⁵¹ Al-Darīmī, Abu Muhammād ‘Abd Allāh Ibñ ‘Abd al-Rahmān al-Darīmī, *Sunan al-Darīmī, Kitāb al-Salāt. Bāb al-Nahy ‘An Istinsyād al-Dālat fi Masjid.*, Beirut., 1996., cet.11., Bil. 1373.,jil. 1: 347.

akan memberi keuntungan kepada perniagaanmu. Dan jika kamu melihat orang bersuara mencari benda yang hilang di dalamnya, maka katakanlah: Allah tidak akan mengembalikannya kepadamu.

Tidak mengapa memberi sedekah kepada orang dalam masjid, sebagaimana hadith ‘Abd al-Rahman Ibn Abu Bakr al-Siddiq r.a berkata : telah bersabda Rasulullah s.a.w :

هل منكم أحد أطعم اليوم مسكينا؟ فقال أبو بكر رضي الله عنه:
دخلت المسجد فإذا أنا بسائل يسأل، فوجدت كسرة خبز في يد
عبد الرحمن، فأخذتها منه فلقيتها إليه.⁵²

Terj: *Adakah seorang di antara kamu yang memberi makan kepada seorang miskin pada hari ini?. Maka Abu Bakar berkata: Saya memasuki masjid, ternyata saya bertemu dengan seorang yang meminta-minta. Maka saya dapati sepotong roti pada tangan Abd Rahman, lalu saya mengambilnya dan berikan kepadanya.*

12. Berkata al-Mutawali dan lain-lain Ulama Syafi'i : Makruh memasukkan binatang, orang gila dan kanak-kanak yang tidak mumaiiz ke dalam masjid, kerana tidak selamat masjid itu dari dikotarkan oleh mereka. Dan tidak haram yang demikian itu kerana al-Imam Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w

⁵² Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman Ibn al-'Asy'ath al-Sijastani, *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Zakat. Bab al-Mas'alat fi al-Masjid.*, Kaherah., 1988., bil. 1670., jil. ii : 131.

telah mengangkat Umamah Binti Zainab *r.a* (cucu Baginda) dalam masjid, dan Nabi *s.a.w* telah tawaf dengan menunggang unta Baginda. Ini tiada menafikan bahawa makruh perkara itu, kerana Nabi *s.a.w* berbuat begitu untuk mengajar dan menyatakan perkara itu boleh dibuat dan Baginda berbuat begitu adalah lebih *afdal* kepada baginda. Kerana menerangkan sesuatu hukum syarak adalah wajib ke atas Nabi *s.a.w* dan sebagaimana Nabi *s.a.w* telah menerangkan bahawa harus *berwudu* membasuh anggota sekali-sekali tidak tiga kali.

13. Makruh masjid itu dijadikan tempat perkerjaan seperti tempat kerja menjahit dan seumpamanya sebagaimana menurut *hadith* Anas *r.a* yang telah disebutkan pada masalah yang ke sembilan yang lalu.

14. Harus dan boleh tidur melintang di dalam masjid di atas tengkuk dan meletakkan salah satu daripada kakinya ke atas kakinya yang lain dan menyilangkan jari-jarinya dan sebagainya. Telah *thabit* dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahwasanya Nabi *s.a.w* melakukan yang demikian itu semuanya.

15. Sunat masjid itu dijadikan tempat belajar ilmu (*halaqah*), ceramah yang berbentuk nasihat dan seumpamanya. Dan harus berbicara perkara-perkara yang harus yakni tiada haram dan tiada makruh, dan bercakap pada perkara-perkara dunia dan lain-lain perkara yang harus pada syarak, sekali pun berlaku padanya ketawa dan

sebagainya, selagi perkara itu harus dan boleh dilakukan sebagaimana hadis daripada Jabir Ibn Samurat r.a beliau berkata :

عن حابر بن سمرة قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم لا
يقوم من مصلاه الذى يصلى فيه الصبح أو الغداة حتى تطلع
الشمس. فإذا طلعت الشمس قام. وكانوا يتحدثون. فأخذنون
ف53. في أمر الجahليه. فيضحكون ويتسمون.

Terj: Dari pada Jabir Ibn Samurat berkata: Adalah Rasulullah s.a.w tidak akan berganjak dari tempat sembahyangnya selepas sembahyang subuh sebelum matahari terbit sehingga matahari terbit. Apabila matahari sudah terbit baharulah beliau berdiri. Dan para sahabat pada ketika itu bercakap-cakap sehingga melarai kepada bercakap perkara-perkara yang berlaku di zaman jahiliah dahulu. Mereka ketawa dan Rasulullah s.a.w tersenyum di atas kelakuan mereka.

16. Tidak mengapa menyanyikan atau mendeklamasikan sajak atau syair di dalam masjid. Jika yang demikian itu bertujuan memuji-muji Nabi atau Islam atau kata-kata hikmat atau pada kemuliaan akhlak atau zuhud atau seumpamanya daripada perkara-perkara yang baik.

⁵³ Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Masājid. Bāb Fadl al-Jūlūs fi Musallaḥ..*, bil. 286/670., 1: 388.

17. Sunat menyapu masjid dan membersihkannya dan menghapuskan (menghilangkan) apa yang dilihat padanya kesan ludah atau seumpamanya. Perkara ini telah dihabitikan dalam sebuah hadis daripada Ibn 'Umar r.a :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى بَصَاقًا فِي جَدَارِ الْقِبْلَةِ.
فَحَكَاهُ.⁵⁴

Terj: *Bahawasanya Rasulullah s.a.w melihat kesan ludah pada dinding kiblat dalam masjid, lalu baginda menghapuskannya (membersihkannya).*

18. Daripada *bid'ah mungkarah* ialah menggantungkan lampu-lampu yang banyak sekali dalam masjid pada malam-malam tertentu seperti setiap datangnya Nisfu Sya'ban pada setiap tahun, maka yang demikian itu boleh menyebabkan berlakunya banyak keburukan-keburukan padanya, kerana ianya menyerupai perbuatan orang-orang Majusi pada menyembah atau mempercayai api, membazirkan harta dan sebagainya.

19. Sunat bagi orang yang masuk masjid membawa senjata supaya memegang atau menutupi bahagian yang tajamnya seperti anak panah, mata leming dan sebagainya. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis Jabir r.a bahawasanya

⁵⁴ *Ibid*, bil. 50/547., 1: 324.

seorang lelaki melintas di dalam masjid dengan membawa anak panah lalu Rasulullah s.a.w bersabda:

⁵⁵مسك بنصاها.

Terj: *Peganglah dan tutuplah bahagian yang tajamnya.*

20. Sunat bagi orang yang baru balik daripada belayar singgah terlebih dahulu ke masjid dan mendirikan dua raka'at sembahyang sunat, sebagaimana pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w yang disebutkan dalam sebuah hadis daripada Ka'b Ibn Malik r.a :

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَقْدِمُ مِن سَفَرٍ إِلَّا
خَارَ، فِي الصَّحْنِ، فَإِذَا قَدِمَ، بَدَأَ بِالْمَسْجِدِ. فَصَلَّى فِيهِ رَكْعَتَيْنِ. ثُمَّ
⁵⁶جَلَسَ فِيهِ.

Terj: *Bahawasanya Rasulullah s.a.w tidak akan datang daripada perlayaran melainkan diwaktu siang pada sebelah pagi. Apabila baginda sampai dari pelayaran, Baginda singgah dahulu ke masjid lalu mendirikan sembahyang dua rakaat di dalamnya, kamudian baginda duduk di dalamnya.*

⁵⁵al-Bukhārī, *Sahīh..*, Kitāb Salāt. Bāb Ya' khud bi Nuṣul al-Nabl -dza Marr fi al-Masjid, bil. 451., 1: 158.

⁵⁶ Muslim, *Sahīh..*, Bāb Istiḥbāb al-Rak'atayn fi al-Masjid, bil. 74/716., 1: 416.

21. Sayugia bagi siapa yang duduk dalam masjid kerana menunggu sembahyang, atau kerana menguruskan sesuatu perkara ilmu, atau lain-lain kerja atau lain dari yang tersebut sama ada perkara *ta'at* atau perkara yang harus dan boleh pada syarak, maka sunat ia berniat *I'tikaf*, kerana sah *I'tikaf* pada mazhab Syafi'i sekali pun sedikit masanya.
22. Menurut al-Saimiri dan yang lainnya daripada Ulama mazhab al-Syafi'i, Tidak mengapa menutup atau mengunci masjid pada bukan waktu sembahyang, kerana memeliharanya atau menjaga peralatannya. Jika tidak menjadi takut untuk membukanya itu daripada kerosakan atau mencemarkan kehormatannya, maka membukanya itu memberikan manfaat kepada manusia dan sunat baginya, sebagaimana masjid Rasulullah s.a.w tidak di tutup atau di kunci pada zamannya dan juga selepasnya.
23. Makruh bagi siapa yang masuk masjid, dia duduk sebelum ia sembahyang dua rakaat sunat *Tahiyat al-Masjid*.
24. Sayugia bagi kadi supaya tidak menjadikan masjid sebagai tempat menyelesaikan masalah atau perbicaraan. Jika ia telah duduk di dalamnya kerana

untuk sembahyang atau lain-lainnya maka dia bersetuju untuk menghukumnya, maka tidak mengapa dia menghukum padanya di dalam masjid.

25. Makruh mendirikan masjid di atas kubur, sebagaimana disebutkan dalam hadis *sahih* yang masyhur mengenainya. Ada pun menggali kubur di dalam masjid maka hukumnya sangatlah haram.

26. Ada pun dinding masjid sama ada dari dalam mahu pun luarnya adalah baginya hukum seperti hukum masjid dari segi wajib memeliharanya, memuliakannya dan menghormatinya. Begitu juga *sutuh* masjid dan telaga yang sedia ada dalam masjid dan juga ruang lapang dalam masjid. Sesungguhnya mengikut mazhab Syafi'i adalah sah beri 'tikaf' di ruang lapang dalam masjid, *sutuhnya* dan sah sembahyang berjemaah pada keduanya mengikut imam di dalam masjid.

27. Sunat bagi siapa yang hendak masuk masjid, memerhatikan kedua belah kasutnya dan membuang kekotoran dari keduanya sebelum membawa masuk ke dalam masjid.

28. Adalah makruh bagi seseorang itu keluar daripada masjid sejurus selepas azan dilauangkan, sehingga ia menunaikan sembahyang, melainkan jika ada kezuruan. Disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Sya'tha' beliau berkata:

كنا قمودا في المسجد مع أبي هريرة، وأذن المؤذن. فقام رجل من المسجد يمشي. فأتبعه أبوهريرة بصره حتى خرج من المسجد. فقال أبوهريرة : أما هذا فقد عصى أبا القاسم صلى الله عليه وسلم.⁵⁷

Terj: Kami telah duduk bersama Abu Hurairah r.a di dalam masjid, lalu azan pun dilaungkan. Maka berdiri seorang lelaki berjalan keluar daripada masjid. Maka Abu Hurairah r.a telah memerhatikannya sehingga lelaki itu keluar daripada masjid. Maka berkata Abu Hurairah r.a: Ada pun yang demikian itu adalah menyalahi (sunnah) Abu Qasim (Rasulullah s.a.w).

29. Sunat bagi orang yang hendak masuk masjid itu berkata atau membaca doa ini :

أَعُوذ بالله العظيم وبوجهه الكريم وسلطانه القlem من الشيطان الرجيم، باسم الله والحمد لله اللهم صلی على سیدنا محمد وعلى آل سیدنا محمد وسلیم، اللهم اغفر لى ذنبى واقبح لى ابواب رحمتك.⁵⁸

Terj: Aku berlindung dengan Allah yang maha besar, dan dengan nama Allah yang maha mulia, dan dengan nama kuasa Allah yang maha Qadim, daripada syaitan yang kena laknat, dengan nama Allah dan segala puji-pujian bagi Allah, Ya Allah mohon kurniakan salawat ke atas sayidina Muhammad dan ahli keluarga Muhammad. Ya Allah, ampunilah dosa-dosa hamba

⁵⁷ Ibid, Bāb al-Nahy 'An al-Khurūj min al-Masjid., bil. 208/655., hal. 379.

⁵⁸ Dhikir atau doa ini sebahagiannya terdapat dalam *Sahīh Muslim*, dan sebahagian besarnya terdapat dalam *Sunan Abu Daud* dan *al-Nasa'i*. Sila lihat Al-Nawawi, *op cit*, hal. 207. Lihat juga, Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq., *op cit*, hal. 451.

dan mohon bukakan bagi hamba pintu-pintu rahmat Tuhan hamba.

Apabila keluar daripada masjid maka bacalah doa seperti di atas kecuali diganti dengannya:

59. واقتح لى أبواب فضلك.

Terj: *Dan mohon bukakan bagi hamba pintu-pintu kelebihan dan amugerah mu.*

Adalah sunat mendahulukan kaki kanan apabila memasuki masjid dan mendahulukan kaki kiri apabila hendak keluar masjid.

Jika doa di atas terlalu panjang, maka boleh dipendekkan sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah s.a.w :

إذا دخل أحدكم المسجد فليقل: اللهم افتح لي أبواب رحمتك. وإذا

خرج، فليقل: اللهم إن أسألك من فضلك.⁶⁰

Terj: *Apabila seseorang hendak masuk masjid, maka hendaklah dia membaca: اللهم افتح لي أبواب رحمتك, dan apabila dia keluar, maka hendaklah dia membaca: اللهم إن أسألك من فضلك.*

30. Tidak harus mengambil sesuatu daripada bahagian-bahagian masjid seperti batu, batu-batu kecil, tanah dan lain-lainnya.

⁵⁹ Ibid

⁶⁰ Muslim., op cit., *Kitāb al-Salāh al-Musafiriyyīn, Bāb Ma Yaqlū Idha Dakhala al-Masjid*, bil. 68/713., 1: 415.

31. Sunat mendirikan masjid, membangunkannya, menjaga dan memperbaikinya pada apa yang didapati pecah daripada dinding-dindingnya dan sebagainya. Sebagaimana hadis daripada ‘Uthman Ibn ‘Affan r.a :

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: من بنى مسجدا لله تعالى، بين الله له بيته في الجنة.⁶¹

Terj: *Saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang membina masjid kerana menuntut keredaan Allah, nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di dalam Syurga.*

Dan harus mendirikan masjid pada tempat yang telah dijadikan gereja dan juga rumah-rumah ibadat bagi orang Nasrani dan juga bekas kubur yang telah lama, setelah tanahnya sudah menjadi baik. Sebagaimana hadis daripada Anas r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَهُ أَنْ يَجْعَلَ مَسْجِدَ الطَّائِفَ حِيثُ كَانَ طَوَاغِيهِمْ.⁶²

Terj: *Bahwasanya Nabi s.a.w telah memerintahkannya supaya membangunkan masjid negeri Taif di tempat-tempat ibadat mereka menyembah patung-patung.*

⁶¹ *Ibid*, bil. 24/533., hal. 316.

⁶² Al-Sijistani, *Sunan.., Kitab al-Salat. Bab fi Bina' al-Masajid*, bil. 450., I: 120.

32. Terdapat banyak daripada hadis-hadis yang menjelaskan tentang kelebihan masjid-masjid. Di antaranya seperti mana hadis Abu Hurairah *r.a.*, Rasulullah *s.a.w* bersabda:

أَحَبُّ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا، وَأَبْغَضُ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا.⁶³

Terj: *Tempat yang paling di sukai oleh Allah di sesebuah negeri itu ialah masjid-masjidnya, dan tempat yang paling di benci oleh Allah di sesebuah negeri itu ialah pasar-pasarnya.*

Dan tidak mengapa menamakan atau mengatakan ; Masjid Fulan, dan masjid Bani Fulan, atas dasar sebagai pengenalan.

33. *Musalla* atau surau tempat mendirikan sembahyang hari raya dan sebagainya, yang bukan disebut sebagai masjid, tidak menjadi haram bagi orang-orang yang junub dan haid tinggal diam di dalamnya sebagaimana pendapat Mazhab Syafi'i.

1.3.3 Pandangan Ulama Terhadap Masjid

Membangun masjid adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Ianya bukan sahaja sebagai tempat bersembahyang semata-mata, akan tetapi masjid adalah menjadi

⁶³ Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Masājid.*, bil. 288.

tanda atau alamat orang-orang beriman kepada Allah s.w.t serta takut kepada perintahnya. Firman Allah :

إِنَّمَا يَعْمَرُ مسجِدَ اللَّهِ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ
وَعَاتَى الزَّكُوْهُ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهُ فَعُسْتَ أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنْ
⁶⁴ الْمَهْدِينَ.

Terj: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat pertunjuk.*

Memakmurkan masjid pada hakikatnya adalah mendirikan bangunan masjid serta membentuknya. Kerana perkataan '*imarah*' itu adalah melazimkan kepada masjid iaitu tempat memperhambakan diri dengannya. Masjid yang juga sifatnya tempat umat Islam bersujud di dalamnya, ianya juga melambangkan ketinggian *syi'ar* agama Islam di suatu tempat atau kelompok masyarakat itu. Oleh sebab itu terdapat banyak hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang mendorong kepada pembangunan masjid-masjid dengan menyatakan ganjaran yang akan diperolehi daripadanya. Di antara sabda Rasulullah s.a.w:

⁶⁴ S. al-Taubah : A. 18.

من بنى الله مسجدا، صغيراً كان أو كبيراً -: بنى الله له بيته في الجنة.⁶⁵

Terj: *Sesiapa yang membina bagi Allah sebuah masjid, kecil atau pun besar, nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di dalam syurga.*

Hadis tersebut memberi makna yang menyeluruh akan rupa bentuk masjid yang dibangunkan dengan tidak mengira saiz atau kadarnya, sama ada kecil mahu pun besar dan sebagainya kerana menuntut keredaan Allah s.w.t semata-mata, sudah pasti akan mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t di akhirat kelak.

Menurut Ibn al-Jauzi : Sesiapa yang menamakan namanya ke atas masjid yang dibinanya, adalah jauh daripada ikhlas.⁶⁶ Al-Mundhari pula berkata : Tiga perkara yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w untuk mendapat ganjaran sepertinya di Syurga kelak bagi orang-orang yang membangunkan masjid, iaitu:-

- i. Membinanya dengan perbelanjaan daripada harta yang halal.
- ii. Membinanya kerana ikhlas kepada Allah s.w.t sahaja.

⁶⁵ Al-Tarmizi, Abu ‘Isā Muhammad Ibn ‘Isā Ibn Sa‘urat, *al-Jāmi‘ al-Sahīh*, *Bab Salāt*, Kaherah., t.t., bil. 318., Jil. ii: 135. Menurut Abu Isa: Hadis Uthman adalah hadis Hasan (*Sahih*). —

⁶⁶ Al-‘Asqalani, *Fath*., 1: 545.

iii. Membinanya tanpa mengharapkan pujian daripada orang lain.⁶⁷

Keikhlasan dalam usaha membangunkan masjid itu dengan menggunakan harta yang halal serta menjauhkan diri daripada riak adalah sebaik-baik perbuatan yang terpuji di sisi Allah s.w.t. Ini kerana masjid itu adalah rumah Allah dan ia tidak dibina atas tujuan lain selain daripada kerana Allah semata-mata. Firman Allah Ta'ala:

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا.⁶⁸

Terj: *Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.*

Tuntutan Islam terhadap pembangunan masjid telah mendapat perhatian yang serius di kalangan ulama *fujahā'* dalam menghukumkan pembangunan atau pembinaan masjid di sesuatu tempat atau negeri itu. Terdapat beberapa pendapat ulama *fujahā'* yang dapat menjadi sandaran terhadap pembangunan masjid pada menghukumkannya yang demikian itu wajib ataupun sunat⁶⁹ adalah seperti berikut:-

⁶⁷ Al-Mundhari, Zaki al-Din 'Abd al-'Azim Ibn 'Abd al-Qawi al-Mundhari, *al-Taghib wa al-Tarhib*, Kaherah., 1987., jil. 1., hal: 195.

⁶⁸ S. al-Jin : A. 18.

⁶⁹ Al-Hariri, *Ahkam..*, hal. 36, 37.

Pertama : *Al-Malikiyah* berpendapat adalah wajib mendirikan masjid itu di setiap kota, dan jika didapati kariah itu luas maka sunat bagi mereka mendirikan yang ke dua.

Menurut Ibn ‘Arafah; Adalah hukum mendirikan masjid juma‘at dan jama‘ah itu adalah seperti perbuatan keduanya. Berkata pula al-Lakhmi: Wajib pada setiap kariah dibina padanya masjid, kerana untuk mendirikan jama‘ah, dan sunat bagi di tempat yang jauh daripada *jami‘* kotanya.

Kedua : *Al-Hanabilah* pula berpendapat bahawa hukum membina masjid itu adalah sunat, akan tetapi sebahagian daripada pengikutnya berpendapat adalah wajib, kerana ia adalah fardu kifayah.

Menurut pendapat Ibn Tamim : Membina masjid itu adalah sunat sahaja. Manakala Ibn al-Munji dalam *Syarh al-Hidayah* menyatakan : Membina masjid itu juga adalah sunat sebagaimana terdapat dalam hadis-hadis yang menggalakkannya. Disebutkan juga di dalam *al-Ri‘ayah*: Bahawasanya masjid-masjid dan *jami‘-jami‘* adalah termasuk daripada fardu kifayah.

Ketiga : *Al-Syafi‘iyah* pula berpendapat sebagaimana disebutkan oleh al-Nawawi bahawasanya mendirikan masjid itu hukumnya adalah sunat. Adapun nisbah

kepada individu, wajib ke atas Imam untuk memak 'murkan masjid (mendirikan masjid) daripada perkara-perkara kebajikan selama mana ianya wujud dan peluang masih luas.⁷⁰

Berdasarkan kepada pendapat di atas membangun dan mendirikan masjid itu mempunyai hubungan dengan hukum mendirikan sembahyang berjemaah di sesuatu tempat atau kariah itu. Menurut Ismail bin Umar Abdul Aziz⁷¹ dalam fatwanya menyatakan : Mendirikan tempat ibadat dan sembahyang berjemaah pada suatu rumah atau surau atau masjid yang bebas adalah fardu dan wajib ke atas umat Islam, pada suatu tempat ada orang Islam diam di situ kira-kira 30 orang lelaki, jika tiada tempat ibadat yang bebas di tempat itu, maka semua orang Islam di tempat itu berdosa dan orang-orang Islam di tempat itu akan terdedah ancaman dan bala daripada Allah s.w.t, sebagaimana disebutkan dalam hadis-hadis.⁷² Telah bersabda Rasulullah s.a.w:

ما من ثلاثة في قرية ولا بدوا لا تقام فهم الصلاة إلا قد استحوذ
عليهم الشيطان فعليك بالجماعه فإنما يأكل الذئب القاصية.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail Bin Umar Abdul Aziz (al-Marhum), Bekas Mufti Kerajaan Brunei dari tahun 1967-1993M.

⁷² Ismail bin Umar Abdul Aziz, *Fatwa Mufti Kerajaan Brunei*, bil. 3., M.K.B. 3/1967, pt. 3.

⁷³ Al-Sijistani, *Sunan.., Kitab al-Salat, Bab al-Tasyid fi Tark al-Jama'at*, bil. 547., 1: 147.

Terj: *Tiada tiga orang dalam suatu kampong atau desa atau tanah lapang tiada di dirikan sembahyang berjemaah pada mereka, melainkan syaitan telah menguasai mereka, maka hendaklah kamu berjemaah, kerana bahawasanya serigala itu memakan kambing yang jauh dari kumpulan mereka.*

Hadir di atas menekankan bahawa sembahyang berjemaah itu adalah wajib dan *fardu* ke atas semua orang Islam di mana sahaja mereka diam dan bermukim. Dengan mengadakan sembahyang berjemaah, ianya boleh menjadi penawar bagi menjaga akhlak manusia daripada runtuh dengan melakukan berbagai kejahanatan dan kacau-bilau di sesuatu tempat itu.⁷⁴

Disebutkan dalam kitab *Minhāj al-Talibiyān*: Sembahyang berjemaah *fardu* lima waktu selain jumaat adalah sunat muakkadah. Dan dikatakan juga *fardu* kifayah bagi orang lelaki sahaja. Ada pun sembahyang berjemaah *fardu* jumaat itu hukumnya adalah wajib.⁷⁵ Wajibnya sembahyang berjemaah itu (*fardu* kifayah) ialah supaya dapat menzahirkan *syi'ar* di dalam sesuatu kariah itu sama ada kecil, besar dan sebagainya. Dan jika mereka meninggalkan semuanya maka Imam atau naibnya berhak untuk membunuh mereka. Dan tidak dituntut sebagai sunat kepada kaum wanita sebagaimana dituntut bagi kaum lelaki pada yang *sahihnya*. Berkata al-

⁷⁴ Ismail Bin Umar Abdul Aziz, *op cit.*

⁷⁵ Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut., t.t., jil. i., hal. 229.

Nawawi : Yang lebih *sahih* daripada yang di naskan ialah *fardu kifayah*, dan dikatakan juga *fardu 'ain*.⁷⁶

Sungguh pun menurut pendapat mazhab Syafi'i bahawa mendirikan masjid itu hukumnya sunat, namun berdasarkan tuntutan syarak terhadap wajibnya sembahyang berjemaah itu, maka dengan sendirinya pembangunan masjid di suatu tempat itu lebih utama bagi tujuan berjemaah. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis daripada 'Aisyah r.a beliau berkata :

أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبَنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُورِ وَأَنْ تُنْظَفَ وَتُطَبَّ.

Terj: Rasulullah s.a.w memerintahkan untuk membangun masjid di kampong-kampong dan supaya di bersihkan dan di wangikan.

Sebagai kesimpulannya jika dilihat kepada pendapat mazhab Maliki adalah dekat kepada kebenaran bagi menjadikan masjid-masjid itu sebagai bukti menzahirkan *syi'ar Islam* oleh penduduk sesebuah kota itu, sama ada dikatakan ianya wajib atau pun sunat maka yang demikian itu adalah dikira pada kepentingan dan

⁷⁶ Ibid. Yang dimaksudkan fardu 'ain itu bukanlah sebagai syarat bagi sah sembahyang.

⁷⁷ Al-Sijistani., *Sunan.., Bab Itikhadh al-Masjid fi al-Daur*, bil. 455., 1:122.

dengan kadar yang termampu bagi membolehkan para jemaah menunaikan sembahyang lima waktu tanpa kesulitan. Ada pun memperbanyakannya tanpa keperluan dan hajat, maka yang demikian itu tidaklah di *syara'kan*.⁷⁸ Perkara ini disandarkan kepada sebuah hadis daripada Anas *r.a* bahawasanya Rasulullah *s.a.w* bersabda:

79 لا تقوم الساعة حتى يتبااهى الناس في المساجد.

Terj: *Tidak akan bangkit hari kiamat itu sehingga manusia berbangga-bangga pada masjid-masjid.*

1.3.4 Syarat-Syarat Dan Hukum Membina Masjid

Sememangnya tidak terdapat nas-nas dalam Islam sama ada melalui al-Quran dan al-Sunnah yang menjelaskan syarat-syarat tertentu bagi rekabentuk sesebuah masjid itu. Akan tetapi secara praktikalnya bentuk pembinaan masjid-masjid itu dapat diambil contoh daripada perbuatan Nabi *s.a.w* selaku pengasas dan orang yang pertama sekali membina masjid dalam Islam sehingga dapat menzahirkan *syi'ar* Islam yang sebenar-benarnya dan didirikan sembahyang berjemaah di dalamnya serta dapat

⁷⁸ Al-Hariri, *Ahkām..*, hal. 37.

⁷⁹ Al-Sijistani., *op cit*, *Bab fi Bina' al-Masājid.*, bil. 449., 1:120.

mengikat hati orang-orang Islam dengan Tuhan mereka dan juga sesama mereka sendiri.

:

Kejayaan Rasulullah s.a.w dalam membina dan membentuk masjid yang pertama dalam Islam itu, ternyata pembinaannya itu dibangunkan atas kedudukan yang tepat pada syarak. Ini berdasarkan kepada asas pembinaan masjid tersebut itu sendiri sebagaimana firman Allah Ta'ala:

لمسجد أنس على التقوى من أول يوم أحق أن تقوم فيه فيه
رجال يحبون أن يتظاهروا والله يحب المطهرين.⁸⁰

Terj: *Kerana sesungguhnya masjid (Quba') yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).*

Sebenarnya taqwa adalah asas yang paling utama dalam usaha membina atau mendirikan sesebuah masjid itu. Taqwa dalam erti kata yang sebenar dapat mempengaruhi pemakmuran yang menjadi matlamat utama kepada pembangunan masjid. Oleh yang demikian terdapat banyak hukum-hukum dalam kitab-kitab fiqh

⁸⁰ S. al-Taubah : A. 108.

yang menjelaskan bagaimana sepatutnya masjid-masjid di sesebuah tempat atau kawasan itu di bangunkan.

H.Aboebakar, dalam bukunya *Sedjarah Mesdjid*,⁸¹ beliau telah membahagikan beberapa bahagian tempat atau pun tapak tanah yang harus didirikan padanya masjid, iaitu seperti di atas tanah yang diwakafkan orang, tanah yang dihadiahkan sebagai barang hibbah dan tanah yang disewakan atau dipinjamkan untuk masjid.⁸²

Dengan berpandukan kepada hukum-hukum dan pendapat-pendapat ulama fuqaha, berhubung dengan pembinaan masjid dan juga hukum wakaf dalam Islam, dapat diambil kesimpulan bahawa di sana terdapat syarat-syarat atau hukum-hukum yang perlu dipatuhi dalam membangun sesebuah masjid itu. Di antara syarat-syarat tersebut ialah:-

Pertama : Jika seseorang itu hendak mewakafkan sebuah masjid, maka tanah tempat mendirikan masjid itu hendaklah kepunyaan sendiri atau diberi oleh yang empunya tanah itu. Sebuah masjid yang diwakafkan atas sepotong tanah sewaan atau pinjaman adalah sah hukumnya, dan apabila yang punya tanah itu meminta kembali

⁸¹ *Sedjarah Mesdjid Dan Amal Ibadat Dalamnya*, Bandjarmasin., 1955., hal. 425.

⁸² *Ibid.* Lihat juga *Jad al-Haq ‘Ali Jad Haq, Buhuth wa Fataawa..*, hal. 395.

tanahnya, maka masjid wakaf yang didirikan atasnya haruslah dipindahkan ke tempat lain, kerana kedudukan masjid sebagai barang wakaf tidak berubah sifatnya. Manakala perbelanjaan pemindahan masjid tersebut haruslah dipikul oleh yang empunya tanah tadi. Demikianlah tersebut dalam kitab *Jama al-Fawaid*, sebagaimana yang dikutipnya dari kitab *Tuhfah*.⁸³

Menurut al-Syeikh al-Azhar, dalam kitabnya *Buhuth wa Fataawa Islamiyah* : Adalah harus bagi tanah yang hendak didirikan masjid itu disumbangkan dengannya daripada milik kepunyaannya yang *sahih* secara syarak, atau dibelinya yang demikian itu dengan harta yang di perolehi daripada yang halal, kerana yang demikian itu dibelanjakan pada jalan Allah.⁸⁴ Firman Allah Ta‘ala:

يأيها الذين عاملوا أنفقوا من طيب ما كسبتم وما أخرجنا لكم
من الأرض ولا تيمعوا الخبيث منه تنفقون ولستم بأخذيه ألا أن
تغمضوا فيه واعلموا أن الله غنى عنه حميد.

Terj: Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan

⁸³ Sayid 'Uthman bin Abdullah bin Akil bin Janja al-'Alawi, *Jama' al-Fawaid Mimma Yata'allaq bi Salat Jum'at wa al-Masajid*, Betawi, 1328H., hal. 58.

⁸⁴ Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq, *op cit*, hal. 390.

⁸⁵ S. al-Baqarah : A. 267

pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa terpuji.

Kedua : Hendaklah kedudukan bangunan masjid itu tetap di atas tanah atau bumi, iaitu dasarnya terpendam ke dalam tanah sehingga tidak dapat dipindah ke mana-mana, baik dasar itu terjadi daripada batu atau pun kayu. Bangunan yang dapat diangkat atau dipindah-pindah tidak sah diwakafkan menjadi masjid, tetapi sah untuk keperluan lain, seperti dijadikan surau yang diwakafkan sebagai tempat sembahyang lima waktu atau seumpamanya.⁸⁶

Telah bersepakat Fuqaha Muslimin, mengatakan bahawa tidak harus memindah masjid, merubuhkannya dan menuarkannya bagi tujuan lain selain pada masjid, kerana tanah yang didirikan atasnya masjid itu menjadi kekal hak Allah hingga ke hari kiamat.⁸⁷ Firman Allah:

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ اللَّهُ فِلَّا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا.⁸⁸

Terj: *Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka*

⁸⁶ H. Aboebakar, *op cit*, hal. 425.

⁸⁷ Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq, *op cit*, hal. 399.

⁸⁸ S. al-Jin : A. 18.

janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.

Ketiga : Tanah yang diwakafkan bagi tujuan keperluan kubur atau keperluan lain, tidak sah untuk dijadikan wakaf masjid.⁸⁹ Maka tidak boleh mendirikan masjid yang akan diwakafkan itu berdasarkan kepada hukum wakaf.

Adapun membangun masjid di atas kubur orang-orang Islam adalah hukumnya makruh pada pendapat jumhur fuqaha, apabila pembinaannya itu tidak bermaksud untuk menghias dan mengagungnngkannya. Jika tidak, maka hukumnya adalah haram, dan tanah itu juga bukan diwakafkan untuk keperluan perkuburan atau keperluan lain, kerana yang demikian itu adalah hukumnya haram secara mutlak.⁹⁰

Imam Syafi'i dan pengikut-pengikutnya sebagaimana disebutkan dalam kitab *al-Majmu* mengatakan bahawa mendirikan bangunan di atas kubur adalah hukumnya makruh. Yang demikian itu tidak ada *khilaf* di sisi kami, sebagaimana juga kata

⁸⁹ Ba'lawi, 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Husayn Ibn 'Umar, *Bughyat al-Mustarsyidin*, Beirut., 1994., hal. 310. Lihat juga, al-Hariri, *op cit*, hal. 59. H. Aboebakar, *op cit*, hal. 425.

⁹⁰ Al-Hariri, *op cit*.

Malik, Ahmad, Daud dan Jumhur ulama, dan tidak ada perbezaan dalam apa jua jenis bangunan sama ada membina kubah, rumah atau seumpamanya.⁹¹

Adapun larangan membangun masjid di atas kubur itu sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis daripada Aisyah *r.a.* bahawa Rasulullah *s.a.w* bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ الْيَهُودُ، اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَاءِهِمْ مَسَاجِدٍ.⁹²

Terj: *Allah telah melaknat kaum Yahudi dan Nasrani, kerana mereka menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid.*

Hadis di atas menerangkan bahawa Allah *s.w.t* telah melaknat dan mengutuk kaum Yahudi dan Nasrani atas perbuatan mereka menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid kerana mengagungkannya. Menurut al-Baidawi⁹³: Adalah orang-orang Yahudi dan Nasrani itu mereka bersujud menghadap kubur nabi-nabi mereka kerana mengagungkannya, dan mereka menjadikan kubur itu sebagai kiblat yang mereka menghadap kepadanya dalam sembahyang, dan mereka menjadikan kubur-kubur itu sebagai berhala bagi mereka, lalu mereka dilaknati dan orang-orang Islam

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Masājid, Bāb al-Nahy 'An Bīnā 'al-Masājid 'Ala al-Qubur..*, bll. 19/529., 1: 315.

⁹³ Lihat, al-San'ani, Muhammad Ibn Isma'il al-San'ani, *Subul al-Salam*, Kaherah., t.t., jil. i., hal. 256.

adalah dilarang berbuat yang demikian itu. Menurut al-Baidawi lagi : Adapun orang yang membangun masjid di samping tetangga orang *salih* dan dengan maksud mendapatkan barkahnya dan bukan untuk mengagungkannya dan menghadap kepadanya sewaktu sembahyang, maka yang demikian itu tidak termasuk dalam ancaman ini.⁹⁴

Keempat : Ulama Fuqaha berpendapat bahawa harus membangun masjid itu di atas perkuburan orang-orang musyrikin selepas digali dan dibersihkan. ⁹⁵ Menurut Imam Syafi'i : Harus membina masjid pada tempat-tempat sebelumnya gereja atau kubur yang telah hapus dan tanahnya menjadi baik.⁹⁶ Rasulullah *s.a.w* bersabda:

أَنَّ الَّتِي صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَهُ أَنْ يَجْعَلَ مَسْجِدَ الطَّائِفَ حِيثُ
كَانَ طَوَاغِيهِمْ.

— ٢٧٣ —

Terj: *Bahwasanya Nabi s.a.w telah memerintahkannya supaya membangunkan masjid negeri Taif di tempat-tempat ibadat mereka menyembah patung-patung.*

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ Al-'Asqalani, *Fath..*, hal. 526. Lihat juga, al-Zarkasyi, *I'tam..*, hal. 381. Lihat, Al-Hariri, *op cit.* hal. 57.

⁹⁶ Al-Nawawi, *Majmu'..*, hal. 208.

⁹⁷ Al-Sijistani, *op cit.*

Kelima : Haram dan tidak boleh membina masjid di atas tanah yang di rampas, sama seperti hukum sembahyang dan tinggal di atasnya. Kerana masjid-masjid itu tidak dibangunkan melainkan untuk dijadikan sebagai tempat sembahyang dan beri *tikaf*. Menurut *Ijma* Fuqaha : Adalah haram sembahyang di atas tanah yang dirampas, kerana tinggal di dalamnya tanpa sembahyangpun hukumnya haram, maka sembahyang juga adalah hukumnya haram. Menurut Jumhur Fuqaha dan ahli-ahli Usul : Mereka menghukumkan bagi sahnya sembahyang, maka adalah sah sebahagiannya dan jatuh *fardu* dengannya sebagaimana juga pendapat mazhab Syafi i, Maliki dan Hanafi.⁹⁸

Menurut Ibn Hajar pula : Membina masjid atas milik seseorang adalah harus dengan *ijma'*, dan pada bukan miliknya adalah ditegah. Manakala pada tempat-tempat yang harus di mana tidak memudaratkan seseorang maka hukumnya adalah harus juga, akan tetapi mengecualikan sebahagian daripada mereka dengan menegahnya, kerana ruang-ruang jalan itu adalah punca bagi kemanfaatan manusia. Apabila dibina dengannya masjid maka ia menegah kemanfaatan sebahagian

⁹⁸ Al-Hariri, *op cit*, hal. 70.

mereka.⁹⁹ Menurut al-Zarkasyi pula : Adalah makruh membangun masjid di tempat laluan umum.¹⁰⁰

Keenam : Apabila sesebuah bangunan atau rumah dibangunkan bagi tujuan masjid, maka jadilah buminya dan atasnya sebagai masjid. Oleh itu sudah tentu masjid-masjid itu mempunyai hukum-hukumnya. Maka tidak harus dijadikan bangunan tersebut sebagai tempat tinggal, dan tidak boleh bagi orang haid dan junub tinggal diam dengannya.¹⁰¹ Imam Malik telah menegah membina masjid yang dijadikan atasnya sebagai tempat tinggal, yang tinggal padanya dengan keluarganya. Dan berkata al-Zarkasyi pula, sebagaimana di dalam fatwa al-Baghawi : Tidakkah telah dihukumkan, dilarang bagi orang-orang junub tinggal diam di dalamnya, kerana dijadikan atasnya sebagai masjid, dan bahagian atas itu juga adalah masjid, dan hukumnya juga adalah masjid.¹⁰²

⁹⁹ *Ibid*, hal. 71.

¹⁰⁰ Al-Zarkasyi, *I'lām.*, hal. 356.

¹⁰¹ Al-Hariri, *op cit*, hal. 47.

¹⁰² Al-Zarkasyi, *op cit*, hal. 407. Lihat juga Jād al-Haq 'Ali Jād al-Haq, *op cit*, hal.398.

1.4 Sejarah Pembinaan Masjid Pada Permulaan Islam

Apabila kita memperkatakan sejarah pembinaan masjid pada permulaan Islam, kita tidak lari daripada membincangkan topik ini ke arah bagaimana pembinaan masjid yang sebenarnya berlaku pada zaman Rasulullah *s.a.w* dan juga awal perkembangannya sehingga menjadikannya sebagai institusi yang paling berpengaruh dari berbagai aspek hingga ke akhir zaman.

Dalam hal ini penulis cuba mengupas topik ini dengan melihat dari aspek perkembangan seni bina masjid, pengaruh dan penghayatannya kepada seni bina masjid masa sekarang.

1.4.1 Masjid Pertama Di Bina Dalam Islam

Sesungguhnya kota Madinah (*al-Madinat al-Munawwarat*) sebelum hijrah Rasulullah *s.a.w* dikenali sebagai *Yathrib*.¹⁰³ Perkataan *Yathrib* ada disebutkan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah :

¹⁰³ Muhammad Rida, *Muhammad Rasulullah s.a.w*, Kaherah, 1966., cet. iv., hal. 14

وإذ قالت طائفة منهم يأهـل بـثـرب لـامـقام لـكـم فـارـجـعوا
وـيـسـتـعـذـنـ فـرـيقـ مـنـهـمـ الـنـيـ يقولـونـ إـنـ بـيوـتـنـاـ عـورـةـ وـمـاهـىـ بـعـورـةـ
إـنـ يـرـيدـونـ إـلاـ فـرـارـاـ.¹⁰⁴

Terj: *Dan juga masa itu ialah masa segolongan di antara mereka berkata: "Wahai penduduk Yathrib, tempat ini bukan tempat bagi kamu (untuk berjuang di sini), oleh itu baiklah". Dan sebahagian dari mereka pula meminta izin kepada Nabi (hendak balik) sambil berkata: "Sesungguhnya rumah-rumah kami memerlukan perlindungan", pada hal ia tidak memerlukan perlindungan. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri (dari berjuang menegakkan Islam).*

Yathrib atau Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran itu, adalah merupakan dua nama bagi kawasan atau bandar yang sama, kerana kedua-duanya dikaitkan dengan peristiwa yang sama iaitu mengenai dengan kaum *Munafiq*.¹⁰⁵

¹⁰⁴ S. al-Ahzab : A. 13.

¹⁰⁵ Mahayudin Hj.Yahya & Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur, 1993., hal. 67. Yang di maksudkan dengan kaum *Munafiq* ialah saki baki kalangan penyokong Yahudi yang di singkir dari kota Madinah.

Perubahan nama *Yathrib* kepada Madinah yang diilhamkan oleh Rasulullah *s.a.w* ini membawa erti dan implikasi yang sangat besar dan bermakna kepada dunia Islam. Ia bukan sahaja membawa makna sebagai bandar atau kota yang melambangkan pembangunan fizikal semata-mata, akan tetapi ianya adalah merupakan suatu konotasi khusus yang mesti dihubungkaitkan dengan pembangunan kerohanian dan tamadun Islam yang tulen yang dibentuk dan dibina oleh Rasulullah *s.a.w* sendiri berdasarkan kepada lunas-lunas Islam yang agung.

Jika dilihat kepada sejarah awal penduduk *Yathrib* atau Madinah ini, ianya terdiri daripada keturunan Arab asli Madinah yang rata-rata menganut agama berhala dan orang-orang Yahudi yang menganut ajaran Nabi Musa *a.s.*¹⁰⁵ Selain daripada kaum Yahudi yang dipercayai berasal daripada Arab utara, terdapat juga puak Arab yang baru tiba di Madinah, yang terbahagi kepada dua kelompok bersar iaitu suku Aus dan Khazraj atau dikenali sebagai Bani Qailah. Mereka ini berasal dari kawasan selatan semenanjung tanah Arab. Tarikh ketibaan mereka ke Madinah tidak dapat diketahui dengan pasti, akan tetapi jika dilihat kepada sejarah lampau, besar kemungkinan mereka tiba di Madinah selepas peristiwa pecahnya empangan *Ma'arib* di Yaman, selatan semenanjung tanah Arab untuk mencari rezeki dan penghidupan

¹⁰⁵ *Ibid*, hal. 70. Lihat juga, Dr. Mat Saad Abd. Rahman, *Kedudukan Orang-Orang Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam*, Shah Alam., 1995., hal. 10.

baru.¹⁰⁷ Kedua kelompok ini berpecah kepada beberapa kelompok suku atau bani, suku Khazraj lebih besar dan berpengaruh daripada suku Aus. Ini membuktikan suku Khazraj adalah lebih dahulu dan lebih ramai memeluk agama Islam berbanding dengan suku Aus sebelum ketibaan Nabi s.a.w ke Madinah. Manakala kaum Aus pula terpengaruh dan mengikat perjanjian dengan kaum Yahudi Madinah.

Dari segi geografinya pula, kota Madinah merupakan sebuah wadi yang mempunyai keluasan 32 kilometer persegi dan mempunyai kawasan pertanian yang subur. Ianya juga terletak di pertengahan perjalanan pedagang antara Syam di utara dan Mekah di selatan.¹⁰⁸ Oleh sebab kedudukannya yang strategik ini, maka kota Madinah telah dihuni oleh pendatang-pendatang asing di samping penduduknya yang asli. Adalah dianggarkan keramaian penduduk kota Madinah sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w ialah seramai 4,000-5,000 orang sahaja. Dari jumlah itu lebih separuh daripadanya adalah beragama Yahudi dan selebihnya orang-orang yang beragama Islam dari keturunan Arab Aus dan Khazraj yang dianggarkan tidak sampai seribu orang.¹⁰⁹

¹⁰⁷ Mahayudin Hj.Yahya & Ahmad Jelani Halimi, *op cit.*

¹⁰⁸ *Ibid*, hal. 68.

¹⁰⁹ *Ibid*, hal. 73. Lihat juga, Dr.Mat Saad Abd.Rahman, *op cit.*, hal. 10.

Sewaktu di Madinah kedua suku Aus dan Khazraj ini tinggal di kawasan pinggir kota, dan mereka menjalankan aktiviti bercucuk tanam bagi menyara hidup mereka. Lama-kelamaan mereka menjadi maju sehingga akhirnya mereka berjaya menguasi kota Madinah yang mana sebelum ini diperintah oleh orang Yahudi. Dengan kenaikan kaum Aus dan Khazraj di Madinah pada abad ke-6 M menyebabkan kaum Yahudi tidak senang, lalu mereka merancang untuk memecah-belahkan kaum ini, sehingga berlakunya perbalahan sesama Arab yang mengakibatkan perperangan *Bu'ath* pada tahun 619 M. Dalam perperangan ini kaum Aus telah mencapai kemenangan kerana mereka disokong oleh kaum Yahudi. Berikutan dengan peristiwa ini menyebabkan orang Arab Madinah berpecah dan lemah, dan akhirnya mereka menandatangani perjanjian taat setia kepada orang Yahudi dan bernaung di bawah kekuasaan orang Yahudi.¹¹⁰

Melihat kepada fakta sejarah di atas menunjukan bahawa orang-orang Arab *Yathrib* yang terdiri daripada berbagai kaum sebahagian kecilnya telah pun memeluk agama Islam. Ini membuktikan bahawa penyebaran agama Islam telah pun sampai dan diterima serta mendapat sambutan oleh penduduk kota itu dengan baik sekali. Keadaan ini telah pun disedari oleh Rasulullah *s.a.w* di mana Baginda sendiri sering berkunjung ke kota *Yathrib* sebelum dan selepas Baginda menjadi Rasul. Kemesraan hubungan yang sedia terjalin antara Rasulullah *s.a.w* dengan penduduk kota ini,

¹¹⁰ Muhammad Rida, *op cit.*, hal. 136-140.

menyebabkan kedatangan Rasulullah s.a.w ke kota itu sangat ditunggu-tunggu dan dialu-alukan oleh masyarakat *Yathrib*.

Tatkala berita penghijrahan Rasulullah s.a.w dari Mekah ke kota Madinah telah tersibar meluas di Madinah, maka orang-orang Madinah merasa gembira dan tidak sabar-sabar lagi menunggu ketibaan baginda Rasulullah s.a.w, terutama sekali mereka yang beragama Islam yang terdiri daripada kaum Muhajirin dan Ansar. Mereka keluar beramai-ramai ke pinggir kota Madinah dalam keadaan cuaca yang panas terik semata-mata menunggu kedatangan Rasulullah s.a.w itu. Setelah rombongan Rasulullah s.a.w mendekati pinggir kota Madinah seorang Yahudi yang berdiri di atas tembok kawalan telah melihat kedatangan rombongan itu, lalu beliau berteriak : Wahai Bani Qailah (kaum Aus dan Khazraj) itu dia orang (*jaddukum*) yang kamu tunggu-tunggu sudah sampai. Apabila mendengar berita itu lalu mereka keluar beramai-ramai sama ada Arab atau bukan Arab, beragama Islam atau pun tidak turut menyambut dengan penuh semangat ketibaan Rasulullah s.a.w di samping untuk bertemu dan menatap wajah Baginda.¹¹¹

¹¹¹ Ibn Hisyām, Abu Muhammad ‘Abd al-Mulk Ibn Hisyām, *al-Sīrat al-Nubuwat*, Kaherah., t.t., jil.i., hal. 98. Lihat juga, Muhammad Rida, *op cit.*, hal. 130.

Pada hari Isnin tanggal 12hb *Rabi' al-Awal*, 1H., bersamaan dengan 28hb September, 622M., adalah merupakan hari yang bersejarah bagi penduduk kota Madinah menyambut kehadiran Rasulullah s.a.w. Setibanya baginda di Quba, baginda telah turun dan tinggal di rumah Kulthum Ibn al-Hidm dari bani 'Amru Ibn 'Auf. Beliau adalah seorang lelaki tua daripada golongan Ansar, dan menjadi orang pertama di kalangan Ansar yang meninggal dunia sejurus selepas baginda memasuki kota Madinah.¹¹²

Selama empat hari baginda Rasulullah s.a.w berada di Quba, langkah pertama yang diambil oleh baginda sebaik sahaja tiba di situ, baginda telah membina sebuah masjid yang di kenali sebagai "Masjid Taqwa", iaitu sebuah masjid yang pertama dibina dalam Islam. Bersempena dengan pembinaan masjid itu, Allah Ta'ala berfirman:

لمسجد أسس على التقوى من أول يوم أحق أن يقوم فيه فيه
رجال يجرون أن يتظهروا والله يحب المطهرين.

Terj: Sesungguhnya masjid (*Quba'*) yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

¹¹² *Ibid*, hal. 99. Muhammad Rida, *op cit*.

¹¹³ S. al-Taubah : A. 108.

Berdasarkan firman Allah di atas, membuktikan bahawa masjid Quba' adalah merupakan asas dan sumber inspirasi kepada pembinaan masjid-masjid dari mula pembinaanya hingga ke akhir zaman. Pembinaan masjid yang berasaskan takwa adalah sebenar-benar pembinaan yang dituntut oleh Islam dan mulia di sisi Allah s.w.t.

1.4.2 Masjid Dalam Seni Bina Islam

Sesungguhnya masjid didirikan atas asas menyahut seruan atau kepentingan rohani umat Islam. Oleh itu masjid adalah merupakan bangunan Islam yang berpengaruh dan dibangunkan mengikut suasana dan keadaan yang sesuai dari segi geografi, iklim dan juga budaya masyarakat setempat. Dan ini dapat kita lihat apabila kawasan padang pasir memberi kesan kepada pembentukan masjid-masjid, maka agama juga memberi kesan yang besar kepada pembinaan masjid seperti memudahkan orang untuk bersembahyang menuju ke arah kiblat yang betul dan sebagainya, meskipun Islam mengira setiap tempat dipermukaan bumi ini sebagai tempat yang diharuskan bagi orang-orang mukmin menunaikan sembahyang di atasnya.¹¹⁴

¹¹⁴ Dr. Yusuf Syukri Farhat, *al-Masajid al-Tarikhiyat al-Kubra*, Lubnan., 1993., cet.i., hal. 142.

Jika di lihat kepada pembinaan masjid pada awal Islam, menunjukan bahawa pembinaan masjid pada waktu itu amatlah sedikit perkembangannya dari segi rekabentuk dan juga seni binanya. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w mengalakan supaya pembinaan masjid itu dibina dalam bentuk yang mudah dan biasa sahaja, sebagaimana masjid pertama yang dibina pada zamannya diperbuat daripada batu, atapnya daripada pelepah kurma dan tiangnya daripada batang kurma, sebagaimana juga masjid tersebut kosong daripada tulisan-tulisan atau kaligrafi dan juga penambahan-penambahan sebagai mana yang dapat di lihat pada masa sekarang.

Masjid sebenarnya tidak lari daripada mengalami perubahan dari masa ke semasa terutama sekali dalam struktur pembinaannya sesuai dengan perkembangan Islam itu sendiri. Dari bangunan yang kecil dan sedarhana bentuknya bertukar menjadi besar dan canggih. Pemodenan ini begitu ketara dan menonjol dilihat dengan adanya penemuan berbagai-bagai kelengkapan dari masa ke semasa yang merupakan bahagian yang baru dalam seni bina masjid. Di smping itu, masjid bukan sahaja sebagai tempat bersujud, akan tetapi ianya juga sebagai pusat menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Pemusatan aktiviti-aktiviti ini juga menjadi faktur berlakunya perubahan terhadap pembinaan masjid.

Jika dilihat kepada sejarah perkembangan seni bina masjid pada awal pertumbuhannya, struktur pembinaan masjid telah mula mengalami perubahan yang

besar pada zaman pemerintahan Abdul Malik Ibn Marwan, di mana ianya tertumpu kepada unsur-unsur seni bina dan juga kaligrafi yang berbentuk kerohanian.¹¹⁵

Menurut kenyataan yang terdapat dalam buku *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*, menyatakan bahawa sarjana-sarjana Islam berpendapat fungsi khat (kaligrafi) yang terdapat pada hasil seni ciptaan seniman Muslim seperti yang terjelma pada seni tampak, seni bina, seni halus dan sebagainya tidak terhad kepada kecantikannya sebagai hiasan dalam seni reka tetapi lebih dari itu. Ianya mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti sebagai untuk mengakui keesaan Allah dan mengagungkan kebesaran Allah, demi untuk memperkuatkan tauhid di kalangan ummah, di samping untuk digunakan sebagai media kearah mencapai tujuan itu.¹¹⁶

Perkara utama yang dititikberatkan dalam seni bina Islam ialah mendirikan bangunan masjid sebagai bangunan tempat ibadah yang menggambarkan ciri-ciri kesepadan bangunan selaras dengan fungsi masjid yang secara langsung menetapkan unsur seni bina Islam berpandukan prinsip-prinsip yang ditentukan oleh Allah s.w.t yang mesti dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.¹¹⁷

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ Dr. Othman Mohd. Yatim, Kuala Lumpur., 1989., hal. 14.

¹¹⁷ Manja Mohd. Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, *Aspek-Aspek Kesenian Islam.*, Kuala Lumpur., 1995., cet.i., hal.27.

Sebenarnya sembahyang yang diwajibkan kepada umat Islam sehingga itu menyebabkan perlunya masjid diwujudkan di bandar-bandar dan kota-kota Islam. Setiap bahagian kota mempunyai masjidnya tersendiri bagi penduduk-penduduk yang berhampiran mengadakan sembahyang berjemaah. Biasanya, jarak masjid di antara satu sama lain tidak lebih daripada jarak yang dapat diliputi oleh suara manusia iaitu *Mu'adhdhin*. Bagi menyampaikan ke jarak yang lebih jauh, seruan *adhan* dilaungkan dari tempat yang paling tinggi di kawasan itu, yang disebut sebagai minara. Dengan adanya masjid *jami'* di bandar-bandar, ibadat sembahyang jumaat telah dilakukan padanya. Ini menunjukkan bahawa sembahyang itu sendiri menentukan seni bina Islam dan ciri-ciri kota Islam.¹¹⁸

Pada dasarnya masjid tidak akan indah jika tidak dikunjungi oleh manusia. Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w:

أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ وَأَنْ
تُنْظَفَ وَتُطَبَّ.

119.

¹¹⁸ Al-Faruqi, Isma'il R. dan Lois Lamya' al-Faruqi, Terjemahan : Mohd. Ridzuan Othman d.k.k., *Atlas Budaya Islam*., Kuala Lumpur., 1992., cet.ii., hal. 151,152.

¹¹⁹ Al-Sijistani., *Sunan.., Kitāb al-Salāt, Bāb Itikhadh al-Masajid fi al-Daūr*, bil. 455., 1: 122.

Terj: Rasulullah s.a.w memerintahkan agar membangun masjid-masjid di kampung-kampung, supaya di bersihkan dan di wangi-wangikan.

Hadir di atas menjelaskan bahawa masjid mempunyai hubungan dengan kesenian, iaitu seni yang boleh menenangkan jiwa pengunjung-pengunjungnya mendapat ketenangan dan keselesaan dalam melaksanakan perintah Allah di dalamnya. Ini lebih jelas lagi bahawa kewujudan seni di dalam masjid itu disebabkan adanya manusia di dalamnya melakukan aktiviti-aktiviti yang dituntut oleh Islam seperti sembahyang, membaca al-Quran, *adhan* dan sebagainya. Kesemua ini memberikan pengaruh kepada seni bina masjid itu sendiri. Allah berfirman:

يَنِّي عَادُمْ خَلُوْا زَيْتَكُمْ عَنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكَلُوْا وَأَشْرَبُوا وَلَا تَسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ .

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعَبَادِهِ وَالظِّيَّةَ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هَيْ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمُ الْقِيَمَةِ كَذَلِكَ نَفْصُلُ الْأَيْتَ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ .

قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبِّ الْفَوْحَشَ مَظَاهِرَهُ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمُ وَالْبَغْيُ بَغْرِيْلِ الْحَقِّ وَأَنْ تَشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يَتَّلِ بِهِ سُلْطَنَا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ .¹²⁰

¹²⁰ S. al-A'raf: A.31,32 dan 33.

Terj: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.*

Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hambanya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakannya?". Katakanlah: "Semuanya itu ialah (ni'mat-ni'mat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (ni'mat-ni'mat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat". Demikianlah kami jelaskan ayat-ayat keterangan kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkannya) kamu memperseketukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkan); dan (diharamkannya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.

Ayat di atas menjelaskan dengan panjang lebar berhubung dengan galakan memakai pakaian dan perhiasan sewaktu hendak berkunjung ke tempat ibadat iaitu masjid. Berdasarkan kepada pengajaran ayat di atas, tidak hairanlah bahawa konsep penting dalam seni bina Islam ialah untuk kebangkitan aman, damai dan merendah diri ke hadrat Allah s.w.t.

1.4.2.1 Pengertian Seni Dalam Islam

Memang tidak dapat dinafikan, bahawa seni itu tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia sehari-hari, kerana seni itu suatu yang indah yang disenangi oleh manusia.

Keindahan adalah merupakan salah satu ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah s.w.t. Kerana itu Allah menyintai keindahan itu. Segala yang diciptanya merupakan pancaran dari keindahannya, dan Allah telah menjadikan manusia itu sebagai makhluk yang paling indah dan sempurna mengatasi segala makhluk ciptaannya yang lain. Maka daripada keindahannya juga, Allah menjadikan naluri manusia cinta kepada keindahan yang sememangnya menjadi fitrah semulajadi anugerahnya kepada manusia. Justeru itu, Islam telah datang untuk menyempurnakan fitrah semulajadi manusia yang cinta kepada keindahan dan kesenian dengan menentukan garis panduan yang diredayai oleh Allah s.w.t, dan tidak bercanggah dengan akidah, syarak dan akhlak. Firman Allah Ta'ala:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَرَضِيتُ لَكُمْ
الاسلام دينا.¹²¹

¹²¹ S. al-Mâ'idah : A. 3.

Terj: *Pada hari ini, Aku sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku cukupkan ni'matKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.*

Firman Allah Ta'ala lagi:

الله الذى جعل لكم الأرض قرارا والسماء بناء وصوركم
فأحسن صوركم ورزقكم من الطيب ذلكم الله ربكم فتبارك الله
رب العلمين.¹²²

Terj: *Allah yang menjadikan bumi sebagai tempat penetapan untuk kamu, dan langit sebagai bumbung yang kukuh binaannya; dan Ia membentuk kamu lalu memperelokkan rupa kamu, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal. Yang demikian (kekuasaannya dan kemurahannya) ialah Allah, Tuhan kamu; maka nyatalah kelebihan dan kemurahan Allah, Tuhan sekelian alam.*



Dari keterangan ayat-ayat di atas nyatakan dalam Islam itu tersimpul padanya ajaran keindahan, agar manusia dapat menilai dan mempelajari betapa setiap keindahan yang dikurniakan oleh Allah itu, dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan tidak melampaui batas. Firman Allah Ta'ala lagi:

بَيْنَ عَادٍ مَا نَزَّلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوْعَتُكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسٍ
الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ لَعَلَهُمْ يَذَكَّرُونَ.¹²³

¹²² S. al-Mu'min : A. 64.

¹²³ S. al-A'raf : A. 26.

Terj: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya kami telah memurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup 'aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatnya kepada hamba-hambanya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

Islam sebenarnya tidak melarang kepada keindahan, bahkan manusia digalakan supaya suka kepada keindahan. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مُتَقَالِذَةُ مِنْ كِبْرٍ، قَالَ رَجُلٌ
إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثُوْبَهُ حَسَنًا وَنَعْلَهُ حَسَنَةً . قَالَ: إِنَّ اللَّهَ
جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمِيلَ. الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمْطُ النَّاسِ.¹²⁴

Terj: Tidak masuk syurga sesiapa yang dihatinya mempunyai perasaan takbur. Telah berkata seorang lelaki: Sesungguhnya seorang lelaki itu menyukai pakaiannya yang indah (baik) dan juga kasutnya yang cantik (baik). Lalu rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah itu maha indah, Dia menyukai kepada keindahan. Sedangkan takbur itu ialah menolak kebenaran dan memandang rendah orang lain.

¹²⁴ Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Imān, Bāb Tahrīm al-Kibr wa Bayānūh*, bil. 147/91., 1: 89.

Keindahan dalam segala bidang dan dari segi kehidupan manusia adalah dituntut oleh Islam. Dalam kebudayaan, bidang yang banyak meneroka rasa keindahan manusia ialah kesenian yang sememangnya merupakan bidang pencipta bentuk-bentuk yang indah dan menyenangkan.¹²⁵ Sebenarnya peranan seni yang paling penting bagi masyarakat Islam ialah terletak pada kebolehannya memperkuatkan tauhid di kalangan ummah. Oleh itu keindahan adalah manifestasi salah satu sifat-sifat Allah, memiliki bermakna menghargai dan mencintai sifat-sifatnya. Demikian tingginya hubungan seniman dengan sifat-sifat ketuhanan ini dapat dinilai dari pandangan al-Ghazali yang seni hias yang cantik dan seni bina yang memancarkan keharmonian jiwa seniman sebagai lambang kemurnian akhlak dan ilmu terhadap Allah s.w.t.¹²⁶ Dalam pada itu al-Faruqi telah menyatakan:

*Seni peradaban Islam perlu juga dilihat sebagai pernyataan estetik yang berasaskan al-Quran. Aspek budaya Islam ini harus dilihat sebagai mempunyai sifat-sifat al-Quran dari segi asas dan motivasi. Begitulah juga seni peradaban Islam haruslah dilihat sebagai ungkapan yang estetika yang sama bentuknya dan perlaksanaannya. Sesungguhnya kesenian Islam adalah kesenian al-Quran.*¹²⁷

¹²⁵ Dr. Othman Mohd. Yatim, *op cit*, hal. 7.

¹²⁶ Manja Mohd. Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, *op cit.*, hal. xxii .

¹²⁷ Al-Faruqi, *op cit.*, hal. 172.

Dari dalil-dalil dan beberapa pendapat yang dijelaskan di atas ternyata seni dalam Islam itu ialah seni yang melibatkan hubungan kerohanian antara seniman dan karya-karya seni yang menjurus kearah peningkatan nilai-nilai yang baik dan murni serta mendorong ke arah ketakwaan, *kema'rufan*, *kesahihan* dan budi yang mantap, dan juga yang boleh membawa kepada kesedaran insan bagi memikirkan kedudukannya sebagai insan yang sebenar. Kesenian Islam berupaya menanamkan rasa ketenangan kepada jiwa manusia lantaran hubungan padunya dengan Allah s.w.t. Penonjolan Islam sebagai sumber budaya bertujuan meletakkan nilai-nilai asas bagi mengelakkan penyelewengan hidup. Allah Ta'ala berfirman:

128. ولقد جعلنا في السماء بروحاً وزينتها للنظرين.

Terj: *Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya.*

Maksud daripada ayat di atas ialah Allah Ta'ala menerangkan kejadian-kejadian di langit dan di bumi untuk dipandang, diperhatikan, dan difikirkan jalan mengambil faedah daripadanya dan cara membuktikan keesaan Allah, kekuasaanya dan kebijaksanaannya dalam mentadbirkan urusan makhluk, terutama sekali manusia yang sangat-sangat berhajat kepada pimpinan dan ajaran Allah Ta'ala melalui Rasul-

¹²⁸ S. al-Hijr : A. 16.

Rasulnya. Di sini jelaslah bahawa ajaran seni itu adalah merupakan tuntutan agama melalui *al-Quran* dan *al-Sunnah*.

1.4.2.2 Ciri-Ciri Seni Bina Masjid

Masjid merupakan cabang utama dan penting dalam seni bina Islam. Apabila disebut perkataan masjid, pertama sekali terbayang kepada kita bahawa masjid itu adalah sebuah tempat bagi orang-orang Islam bersembahyang berjemaah, berzikir dan beribadat kepada Allah s.w.t. Setelah itu perkataan masjid juga membayangkan kepada kita sebagai sebuah bangunan yang mempunyai bentuknya yang tersendiri malah berbeza dengan bentuk bangunan-bangunan yang lain. Ini menunjukkan bahawa masjid itu merupakan simbol seni bina Islam yang melambangkan keagungan *syiar* Islam di sesebuah tempat itu. Seni bina Islam melalui masjid ini, ternyata menarik perhatian, kerana daripadanya muncul bentuk bangunan yang dihasilkan oleh orang-orang Islam. Fenomena yang wujud dalam bentuk bangunan itu adalah sebagai satu kemudahan kepada umat Islam dalam melaksanakan ajaran Islam itu sendiri. Oleh yang demikian masjid telah dibina dalam bentuknya yang khusus yang mempunyai ciri-ciri seni binanya yang tersendiri sesuai dengan sifatnya sebagai tempat berjemaah.

Menurut Dr. Yusuf Syukri Farhat¹²⁹ masjid itu terbentuk daripada beberapa bahagian atau ciri-ciri yang penting iaitu:

1. Kawasan lapang dalam masjid. (الصحن). Kawasan lapang dalam masjid ini ialah merupakan satu kawasan yang tidak mempunyai atap yang kebiasaannya berada di kawasan tengah bangunan dalam masjid. Ianya dianggap sebagai tempat yang bersambung dengan dewan sembahyang bagi mengelak daripada kesesakkan sewaktu sembahyang terutama sekali pada hari jumaat. Kawasan lapang seperti ini telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w di mana pada waktu itu masjid Nabi s.a.w hanya mempunyai atap pada bahagian menuju ke kiblat (sebelah selatan) dan bahagian yang menuju ke Syam (sebelah utara). Tujuan diadakan kawasan lapang ini ialah kerana masjid pada waktu itu tidak mempunyai jendela di samping untuk mendapatkan udara atau cahaya matahari masuk ke dalam masjid. Manakala kawasan yang beratap pula adalah tempat para jemaah berteduh daripada panas terik, udara sejuk dan ditimpa hujan.

Kepentingan kawasan ini juga ialah boleh dijadikan tempat berwudu yang kebiasaannya di buat pada kawasan tengahnya, begitu juga kawasan ini dijadikan sebagai tempat mengadakan halaqah-halaqah, majlis-majlis ilmu

¹²⁹ Dr. Yusuf Syukri Farhat, *al-Masajid.*, hal. 8-20.

dan sebagainya. Masjid-masjid yang mempunyai kawasan seperti ini kebanyakannya terdapat di negara-negara yang mempunyai cuaca empat musim.

2. Dewan sembahyang. (بَيْتُ الصَّلَاةِ). Dewan sembahyang ini adalah satu bahagian dalam masjid yang mempunyai atap yang terletak pada bahagian kiblat. Sesungguhnya dewan sembahyang ini telah terdapat pada masjid Rasulullah s.a.w di Madinah. Perkara yang terdapat pada dewan ini ialah seperti kiblat, mihrab dan juga mimber.
3. Mihrab. (الْمِهْرَابُ). Mihrab adalah bahagian yang paling penting di dalam masjid, ianya terletak di bahagian tengah pada dinding masjid menuju ke kiblat. Kiblat bermaksud arah yang menuju ke Mekah al-Mukarramah. Ia adalah syarat bagi sahnya sembahyang dalam Islam. Tujuan mihrab di dalam masjid ialah sebagai kemudahan bagi orang-orang yang bersembahyang mengetahui arah tuju kiblat. Mihrab tidak semestinya dibina dalam bentuk melengkung, akan tetapi ianya memadai sebagai isyarat yang menuju ke arah kiblat. Manakala orang yang pertama memasukkan mihrab ke dalam masjid ialah ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz pada waktu pemerintahannya di Madinah al-Munawwarah pada zaman al-Walid

Ibn 'Abd al-Malik. Sebagaimana juga 'Uqbah Ibn Nafi' orang pertama meletakkan mihrab di masjid al-Qirwan, dan 'Amru Ibn al-'As di Mesir.

4. Mimber. (مِبَرٌ). Ia adalah satu tempat yang tinggi bagi khatib menyampaikan khutbah menghadap ke arah orang-orang yang bersembahyang di dalam masjid. Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda telah menyampaikan khutbah pada hari jumaat dengan berdiri bersandar disebatang pokok kurma di dalam masjid. Tatkala orang-orang Islam semakin ramai, para sahabat menuntut kepada Nabi s.a.w untuk membina baginya mimber supaya mereka dapat mendengar dan dapat melihat khatib yang berkhutbah. Maka dibinalah sebuah mimber yang diperbuat daripada kayu yang mempunyai tiga tingkat, iaitu dua anak tangga dan satu tempat duduk. Begitulah sehingga sekarang setiap masjid terdapat mimber untuk khatib berkhutbah.

5. Menara. (المنارَةُ) . Ianya merupakan bangunan yang tinggi tempat melaungkan *adhan* pada setiap waktu tertentu bagi menyeru kepada sembahyang. Adapun pada zaman Rasulullah s.a.w dan *Khulafa' al-Rasyidin*, menara belum terdapat padanya. Maka Mu'awiyah Ibn Abu Sufian adalah orang yang pertama membina menara dalam Islam bagi menggantikan *adhan* di atas *sutuh* (atap masjid).

6. Kubah. (قبة). Kubah ialah salah satu daripada kesempurnaan masjid. Ianya di bina dalam berbagai-bagai bentuk setengah bulatan, ada yang berbentuk bulatan seperti telur, potongan bawang dan sebagainya. Kubah ini sebenarnya bentuk yang istimewa menyerupai pada kebiasaan tempat-tempat suci agama-agama lain. Dan ia adalah daripada bentuk-bentuk dalaman ke atas masjid. Adapun kubah yang pertama di bina dalam Islam ialah kubah Masjid al-Sakhrah al-Musyrifah di Bait al-Maqdis yang dibina oleh 'Abd Malik bin Marwan tahun (62H/691M). Timbulnya idea pembinaan kubah ini di ambil daripada kubah-kubah yang terdapat pada gereja-gereja orang-orang Nasrani yang terkenal di Syam. Kamudian pengaruh ini berkembang di kalangan orang-orang Islam pada masa pemerintahan Khalifah Umawi sehingga mereka memerintahkan supaya membina kubah-kubah yang berbagai-bagai rupa kepada masjid-masjid mereka.

7. Bilik sembahyang. (المنبر). Ia adalah sebuah bilik yang dibina pada bahagian depan masjid sama ada di sebelah kanan kiblat atau pun di sebelah kirinya, dan ianya belum terkenal pada zaman awal Islam. Menurut sebahagian ahli sejarah, bahawasanya orang yang pertama sekali menjadikan bilik ini sebagai tempat sembahyang ialah Khalifah 'Uthman

Ibn ‘Affan, dan berpendapat sebahagian mereka bahwasanya bilik ini terkenal pada zaman Mu‘awiyah Ibn Abu Sufian. Sebenarnya bilik ini pada asasnya dikenali sebagai tempat para khalifah atau hakim bersembahyang padanya.

8. Atap. (أَنْوَافٌ). Atap yang dibina pada dinding masjid menghadap mihrab dan mimber, dan kebiasaannya diperbuat daripada kayu tinggi daripada lantai masjid dan mempunyai tiang-tiang yang kukuh. Tujuan pembinaan *al-Suddah* ini ialah bagi membolehkan *Mu‘adhdhin* memerhatikan pergerakan imam dengan mengangkat suaranya pada masa takbir dan tahmid supaya dapat diikut oleh *ma‘mum* bersembahyang bersama imam agar mereka tidak mendahuluinya dan tidak juga terlambat daripadanya.

9 Tempat berwudu'. (البَيْتُونَاتُ). Ia adalah merupakan tempat yang khusus bagi mengambil air sembahyang atau *berwudu'*. Pada kebiasaannya tempat ini dibina pada bahagian kawasan lapang dalam masjid dan jauh daripada dewan sembahyang. Tempat berwudu' seperti ini sangat jarang sekali didapati pada masa sekarang. Kebanyakkan masjid-masjid masa kini menbina tempat yang khusus serta berasingan dengan dewan sembahyang.

1.4.2.3 Penghayatan dan Pengaruh Seni Bina Masjid

Adalah menjadi tuntutan agama Islam dalam usaha mengembangkan dan menyebarluaskan *syiar*nya di mana-mana permukaan bumi ini, apabila sahaja bertapaknya Islam itu di suatu tempat atau negeri usaha pertama yang penting untuk dilaksanakan ialah dengan mendirikan masjid. Ini menunjukkan bahawa masjid itu adalah sunnah Rasulullah s.a.w yang merupakan lambang keagungan dan kekuatan serta kekukuhannya *syiar* Islam ditempat itu sesuai dengan asas pembinaannya iaitu takwa. Telah disebutkan dalam sebuah hadis daripada ‘Aisyah r.a beliau berkata:

أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبَنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُورِ
وَأَنْ تُنْظَفَ وَتُطَبَّ.

130

Terj: Rasulullah s.a.w memerintahkan supaya membina masjid di kampung-kampung agar di bersihkan dan di wangi-wangikan.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi:

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ تَعَالَى، بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.

131

¹³⁰ Al-Sijistānī, *Sunan..*, bil. 455., 1: 122.

¹³¹ Muslim, *Sahīh..*, bil. 24/533., 1: 316

Terj: Sesiapa yang membina masjid kerana menuntut keredaan Allah Ta'ala, nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di dalam syurga.

Melalui galakkan yang disebutkan dalam hadis-hadis Rasulullah *s.a.w* itu, menambahkan lagi penghayatan dan rasa semangat kepada umat Islam yang tidak mungkin terputus dalam mengembangkan *syiar* Islam ke merata tempat melalui pembinaan masjid.

Jika di lihat kepada sejarah perkembangan pembangunan masjid, ternyata masjid berkembang dari hari ke sehari, secara evolusi dari bentuk yang sederhana di peringkat awal kelahirannya menjurus ke bentuk yang lebih sempurna. Berbagai-bagai unsur baru yang dicetuskan sebagai tambahan dari masa ke semasa berdasarkan peningkatan ilmu dan kemajuan teknologi masa kini. Masjid masa kini tidak ketinggalan dalam merealisasikan kemajuan dan perkembangan dunia masa kini.

Berbalik kepada perkembangan seni bina masjid sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah *s.a.w* dan *khulafa' al-Rasyidin*, jelas menunjukan bahawa masjid tidak akan kekal dalam bentuk dan saiznya yang sedia ada, akan tetapi struktur pembinaan masjid akan berubah dari masa ke semasa mengikut kepentingan dan perkembangan semasa. Jika di lihat kepada perubahan dan perkembangan masjid *al-Nabawi* pada zaman Rasulullah *s.a.w* sendiri, masjid tersebut telah mengalami tiga proses perubahan dalam struktur pembinaannya.

Proses pertama: Proses ini merupakan permulaan pembinaan iaitu perletakan batu asas yang dilakukan oleh Rasulullah *s.a.w* sendiri dan diikuti oleh Abu Bakr, ‘Umar dan juga ‘Uthman *r.a.*¹³² Perletakan batu asas ini bertujuan bagi menetapkan tempat meletakkan dinding masjid yang dibina setinggi tiga hasta dengan menggunakan batu.

Keluasan masjid yang dibina ini ialah mempunyai panjang kira-kira 70 hasta dan lebarnya 60 hasta dengan mempunyai ketinggian dindingnya dari permukaan bumi ialah 5 hasta. Masjid ini mempunyai atap pada sebahagian depannya sahaja, yang diperbuat daripada pelepas kurma. Terdapat tiga buah pintu yang dibina pada masjid ini, iaitu pintu belakang (selatan), pintu sebelah timor dan pintu sebelah barat.

¹³³ Manakala disebelah utaranya pula ialah kiblat yang menuju ke Bait al-Maqdis.¹³⁴

Proses kedua: Perubahan ini berlaku disebabkan turunnya ayat al-Quran yang memerintahkan supaya memindahkan arah kiblat dari Bait al-Maqdis ke Ka‘bah.

¹³² Muhammad Rida, *op cit...*, hal. 143.

¹³³ *Ibid.*

¹³⁴ Dr. Yusuf Syukri Farhat, *op cit.*, hal. 30.

Peristiwa ini berlaku selepas 16 bulan daripada hijrah Rasulullah s.a.w.¹³⁵ Firman Allah:

نَّبَأَ اللَّهُ عَنْ أَنَّهُ قَدْ نَرَى تَقْلِبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاوَاتِ فَلَنْ يُلِينَكَ قَبْلَةً تَرْضَهَا فَوْلَ
وَجْهِكَ شَطَرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحِيثُ مَا كَتَمْ فَوْلَسُوا وَجْهِكَمْ
شَطَرَهُ، وَإِنَّ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ لِيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا أَنَّهُ
¹³⁶ بَغْلَ عَمَّا يَعْلَمُونَ.

Terj: *Kerap kali kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau suka. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (tempat letaknya Ka'bah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.*

Dengan turunnya ayat di atas maka sebahagian daripada struktur binaan masjid ini, telah berubah mengikut perintah yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w, tetutama sekali pintu dan atap bahagian depan masjid.

¹³⁵ Muhammad Rida, *op cit.*, hal. 146. Lihat juga, Tāha al-Walī, *al-Masājid..*, hal. 187.

¹³⁶ S. al-Baqarah : A. 144.

Proses ketiga: Setelah 5 tahun berlalu pembinaan masjid ini, iaitu pada tahun 7 H, satu perubahan besar telah berlaku ke atas struktur pambinaannya, di mana pada ketika itu bilangan orang-orang Islam semakin bertambah sehingga masjid ini tidak dapat menampung keramaian jemaah di dalamnya. Lalu Baginda *s.a.w* mengambil langkah untuk memperbesarkan masjid ini di mana Baginda telah memerintahkan supaya sebidang tanah yang berdekatan dengan masjid untuk dibeli. Maka ‘Uthman *r.a* telah menyatakan kesanggupannya untuk membeli tanah tersebut dengan harga 20 ribu dinar. Setelah itu masjid pun diperbesarkan dengan keluasannya 100 x 100 hasta persegi dengan ketinggiannya 7 hasta.¹³⁷

Setelah wafatnya Rasulullah *s.a.w*, masjid *al-Nabawi* juga telah mengalami beberapa perubahan strukturnya iaitu seperti tahun 29 H. (649M), Khalifat ‘Uthman Ibn ‘Affan telah melakukan perubahan dan penambahan besar terhadap masjid ini, seperti memperbesarkan keluasan masjid dan meninggikan dinding-dinding masjid serta membina jendela di atas dinding yang berdekatan dengan atap. Setelah itu di antara tahun 88H dan 91H. (607M dan 709M) mengekalkan al-Walid Ibn ‘Abd Malik pembinaan masjid ini di bawah kuasa ‘Umar Ibn ‘Abd al-Aziz seperti dulunya pada zaman ‘Uthman Ibn ‘Affan dengan tidak ada penambahan kecuali pada lebarnya sahaja dan juga membina mihrab di dalam masjid. Sesungguhnya sewaktu Madinah

¹³⁷ Muhammad Rida, *op cit.*, 143.

diperintah oleh raja-raja, masjid ini telah mengalami berbagai-bagai perubahan sama ada huar mahu pun dalam masjid.¹³⁸

Melihat kepada realiti pembinaaan masjid sejak awal Islam, jelas membuktikan bahawa sesungguhnya proses perubahan struktur dan seni bina masjid dari masa ke semasa menunjukkan sentiasa berubah mengikut perubahan masa sesuai dengan perkembangan agama Islam itu sendiri. Adapun seni bina yang dilakukan oleh Rasulullah *s.a.w* itu adalah dijadikan sebagai sumber perintis atau landasan kepada seni bina masjid seterusnya.

Pada zaman para sahabat, inspirasi yang dicetuskan oleh al-Quran telah diadunkan sedemikian rupa dengan beberapa tamadun dunia pada masa itu, iaitu Rom dan Parsi. Adunan yang sedemikian indah itu, telah dijelmakan di dalam pembentukan seni bina Islam yang melambangkan ketulenan dan keagungan seni bina Islam itu sendiri yang tidak langsung merupakan cedukan dari Parsi dan Rom. Walaupun mungkin sedikit persamaan dari segi fizikal, tetapi dari segi konsep dan fungsi seni bina Islam yang digambarkan di dalam pembinaan masjid adalah tetap mempunyai identiti Islam yang berdasarkan konsep ibadat yang dianjurkan oleh *al-Quran* dan *al-Sunnah*.¹³⁹

¹³⁸ Dr. Yusuf Syukri Farhat, *op cit.*, hal. 30.

¹³⁹ Mustafa Haji Daud, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur., 1994., hal. 365.

Perkembangan seni bina masjid semakin berubah dengan meluasnya setelah sahaja bermulanya pemerintahan Bani Umayyah. Pada zaman ini pembangunan masjid-masjid tumbuh seperti cendawan di mana-mana tempat seperti di Basrah, Kufah dan Fustat. Masjid-masjid sudah mula diperindahkan dengan menggunakan bahan-bahan dinding daripada batu-batu merah dan tiang-tiang batu. Selain daripada itu masjid juga sudah mula dihias dengan tulisan-tulisan kaligrafi, corak-corak geometri dan alam semula jadi. Kebanyakkan masjid-masjid pada zaman itu berbentuk empat persegi. Manakala pada zaman pemerintahan al-Walid Ibn 'Abd al-Malik menara masjid mula diperkenalkan, begitu juga kubah dan mihrab menjadi sebahagian daripada binaan masjid.¹⁴⁰

Pengaruh seni bina masjid turut berkembang bersama-sama berkembangnya agama Islam di merata tempat di dunia ini. Ini menambahkan lagi perubahan struktur dan fizikal seni bina masjid yang sebenarnya, kerana reka bentuk masjid akan berubah disebabkan oleh pengaruh iklim, budaya dan juga peredaran zaman. Walau bagaimana pun konsep dan peranan masjid akan tetap sama dari awal wujudnya hingga sekarang.

¹⁴⁰ Dr. Yusuf Syukri Farhat, *op cit.*, hal 17.

Jika dilihat pada masa kini seni bina masjid semakin dihayati oleh para seniman-seniman Islam. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia yang serba canggih ini manusia dapat merekabentuk dengan mencampur-adukkan ciri-ciri seni bina Islam dengan ciri-ciri seni bina dan budaya tempatan kepada masjid. Usaha dan penglibatan mereka ini adalah termasuk dalam golongan yang disebutkan dalam al-Quran sebagai pentakmir. Firman Allah Ta'ala:

إِنَّمَا يَعْمَرُ مسجِدَ اللَّهِ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ
وَعَاتَى الزَّكُوْةَ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهُ فَعُسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنْ
¹⁴¹
الْمُهَتَّدِينَ.

Terj: *Hanyasanya yang layak mema'murkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat pertunjuk.*

¹⁴¹ S. al-Taubah : A. 18.

1.5 Sejarah Beberapa Masjid Utama Dalam Islam

Sebelum wujudnya agama Islam, terdapat dua buah masjid yang mula-mula didirikan di atas permukaan bumi ini. Kisah masjid ini telah disebutkan dalam sebuah hadis yang bersumber daripada Abu Dhar *r.a* beliau kerkata:

قلت: يا رسول الله ! أى مسجد وضع في الأرض أول ؟ قال:
المسجد الحرام، ثم أى ؟ قال: المسجد الأقصى، قلت: كم
بينهما؟ قال: أربعون سنة. وأينما أدرككث الصلاة فصل فهو
¹⁴²مسجد.

Terj: *Aku bertanya; Ya, Rasulullah! Masjid manakah yang mula-mula dibangunkan di atas bumi ini? Rasulullah s.a.w menjawab: Masjid al-Haram. Aku bertanya lagi, Kamudian masjid apa? Rasulullah s.a.w menjawab: Masjid al-Aqsa. Aku bertanya lagi, Berapakah jarak waktu antara keduanya? Rasulullah s.a.w menjawab: Empat puluh tahun. Dan di mana sahaja kamu mendapati sembahyang, maka sembahyanglah, sesungguhnya ia juga adalah masjid.*

Hadis ini, adalah merupakan fakta yang membuktikan kewujudan dua buah masjid sebelum Islam dan juga dalam sejarah manusia. Kedua masjid ini mempunyai peranan yang sama seperti juga masjid-masjid yang lain serta mempunyai kelebihan

¹⁴² Muslim, *Sahīh.., Kitāb al-Masājid wa Mawādi‘ al-Ṣalāt*, bil. 1/520., 1: 310.

dan keutamaan dalam kebanyakan masjid-masjid di dunia ini. Rasulullah s.a.w bersabda:

وَلَا تُشْدِدُ الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ: الْمَسَاجِدُ الْحَرَامُ، وَمَسَاجِدُ
الرَّسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَسَاجِدُ الْأَقْصَى.¹⁴³

Terj: *Tidak di anjurkan bepergian kecuali kepada tiga buah masjid, iaitu: Masjid al-Haram, Masjid Rasulullah s.a.w, dan Masjid al-Aqsa.*

Berdasarkan kepada fakta sejarah yang dipaparkan melalui hadis Rasulullah s.a.w di atas, penulis cuba memperkenalkan beberapa sejarah masjid utama di dalam Islam.

1.5.1 Masjid al-Haram

Masjid al-Haram terletak di kota Mekah semenanjung tanah Arab. Masjid ini merupakan tempat ibadat yang paling suci bagi umat Islam dan juga pengikut Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Masjid ini terkenal dengan

¹⁴³ Al-Bukhari, *Šahīh.., Kitāb Fadl al-Salāt, Bāb Fadl al-Salāt fiMasjid Makkah wa al-Madīnah.*, bil. 1189., 1: 353. Lihat juga, Muslim, *op cit.*, *Kitāb al-Haj, Bāb Safar al-Mar'ah ma'a Mahram.*, bil. 415/827., 2: 796.

nama-nama seperti; *al-Bait*, *al-Bait al-'Atiq*, *al-Bait al-Ma'mor*, *al-Bait al-Haram*, *al-Haram*, *al-Haram al-Makki*, *al-Ka'bah* dan *Durah*.¹⁴⁴

:

Masjid ini di kenali sebagai al-Haram, kerana pada tahun ke 9 H. telah turun wahyu kepada Rasulullah *s.a.w* mengenai dengan pengharaman masjid ini ke atas orang-orang yang bukan Islam, kamudian di turunkan lagi wahyu bagi menjadikan kiblat orang-orang Islam menghadap sewaktu menunaikan sembahyang di mana-mana sahaja mereka berada. Ini jelas sekali apabila perkataan *al-Haram* di sebutkan di dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتُ فَوْلٌ وَجْهُكَ شَطَرُ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ
لِلْحَقِّ مِنْ رَبِّكَ وَمَا اللَّهُ بِغَفْلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ.¹⁴⁵

Terj: *Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (ka'bah); dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Ka'bah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu lakukan.*

Kewujudan masjid al-Haram di muka bumi ini adalah merupakan masjid pertama dibangunkan bagi umat manusia untuk beribadat kepada Allah *s.w.t*, yang juga melambangkan tauhid iaitu keesaan Tuhan yang di sembah, yang di dalamnya

¹⁴⁴ Taha Wali., *al-Masajid.*, hal. 390.

¹⁴⁵ S. al-Baqarah : A. 149.

berdirinya *Ka'bah* (*Bait Allah*). Posisi penting *Ka'bah* dalam konsep peribadatan Islam telah terlihat semenjak awal lagi, sebagaimana disebutkan dalam al-Quran. Bukti nyata yang menunjukkan kewujudan masjid ini telah disebutkan dalam al-Quran sebagaimana Firmanya:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي يَبْكِه مَبَارِكًا وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ.¹⁴⁶

Terj: *Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Mekah, yang berkat dan (dihadkan) pertunjuk hidayah bagi umat manusia.*

Ayat di atas sebenarnya diturunkan kepada Rasulullah s.a.w bagi menyatakan dan memberi penjelasan kepada orang-orang Yahudi yang selalu mendakwa bahawa *Bait al-Maqdis* itu jauh lebih utama daripada *Ka'bah*. Ada pun sebab-sebab yang menguatkan pembinaan *ka'bah* itu lebih tua daripada *Bait al-Maqdis* ialah kerana yang mendirikan *Ka'bah* itu adalah Nabi Ibrahim a.s dan puteranya Isma'il a.s. Manakala *Bait al-Maqdis* pula didirikan oleh Nabi Sulayman a.s yang merupakan anak cucu keturunan Nabi Ibrahim a.s. Bukti lain yang menunjukkan *Ka'bah* itu lebih tua ialah terdapatnya makam Nabi Ibrahim a.s dan juga telaga zamzam yang dikurnia Allah kepada Hajar ibu kepada Nabi Isma'il a.s. Selain daripada itu juga keistimewaan *Ka'bah* sebagaimana disebutkan dalam al-Quran sebagai tempat

¹⁴⁶ S. Ali 'Imran : A. 96.

selamat bagi orang-orang yang masuk ke dalamnya, dengan jaminan tertentu, yang dipegang dan dipertahankan oleh orang-orang Arab sejak turun temurun. Bukti keterangan ini dapat dilihat dalam firman Allah :

وَإِذْ يُرْفَعُ إِبْرَهِيمَ الْقَوَاعِدُ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْعَافِيلُ رَبُّنَا يَقْبَلُ مَنِ إِنْكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

رَبُّنَا وَاجْهَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمَنْ ذَرْبَتْنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَنْتَ مَنْسَكْنَا وَتَبْ عَلَيْنَا إِنْكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ.

رَبُّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ عَاتِكَ وَيَعْلَمُهُمْ
الْكَبُّ وَالْحَكْمَةُ وَيَزْكِيهِمْ إِنْكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.¹⁴⁷

Terj: *Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Isma'il meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (ka'bah) itu, sambil keduanya berdo'a dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui;*

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syari'at dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkau lah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihi;

"Wahai Tuhan kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan

¹⁴⁷ S. al-Baqarah : A. 127, 128 dan 129.

membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman)Mu dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (al-Qur'an) serta hikmat kebijaksanaan, dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan ma'siat). Sesungguhnya Engkaulah Yang maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Ayat di atas adalah merupakan *do'a* Nabi Ibrahim *a.s* bagi negeri *Makkah al-Mukarramah* dan penduduknya. *Do'anya* itu telah dikabulkan dan akhirnya lahirlah seorang Nabi yang berbangsa Arab keturunan Nabi Isma'il *a.s* (kaum Quraisy) dan juga penduduk Mekah yang telah diutuskan oleh Allah Ta'ala kepada umat manusia seluruhnya iaitulah Nabi Muhammad *s.a.w.*

Mengikut keterangan yang didapati daripada *Ensiklopedi Islam Indonesia*,¹⁴⁸ bahawa perluasan masjid al-Haram telah mulai dilakukan semenjak kekhilifahan 'Umar Ibn al-Khattab.¹⁴⁹ Perluasan ini dilakukan kerana ramainya umat Islam pada zaman pemerintahannya dari negari-negeri yang dibuka dan ditakluki oleh Islam datang untuk menunaikan haji dan beribadat ke masjid al-Haram. Perubahan perluasan ini dari segi corak dan bentuk bangunan masjid masih lagi sedarhana iaitu

¹⁴⁸ Dr. H. Harun Nasution, Prof., d.kk., *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Jakarta., 1992., hal. 640.

¹⁴⁹ *Ibid.*

terdiri daripada tempat terbuka yang dikelilingi oleh pagar batu dan siap pembinaannya dalam tahun ke 17 H.¹⁴⁹

:

Dalam hal ini, Masjid al-Haram juga pernah mengalami beberapa kerusakan yang disebabkan oleh angin taufan dan juga peperangan. Keadaan ini setentunya memaksa kepada pembaikan dan pengubahsuaian yang banyak dan berpatut dengan kehendak semasa bagi menampung pengunjungnya yang ramai.

1.5.2 Masjid al-Aqsa

Masjid ini telah disebutkan dalam ayat yang pertama daripada surah al-Isra' sebagaimana firman Allah Ta'ala :

سَبَحَنَ الَّذِي أُسْرَى بِعِبَادِهِ لِيَلَّا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ
الْأَقْصَا الَّذِي بِرَكَنَاهُ حَوْلَهُ، لَنْرِيهِ، مِنْ عَابِتَنَا إِنْهُ، هُوَ السَّمِيعُ
الْبَصِيرُ.¹⁵⁰

Terj: *Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambanya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin).*

¹⁴⁹ Taha Wali, *op cit.*, hal. 392.

¹⁵⁰ S. al-Isra' : A. 1.

yang kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Ayat di atas membuktikan bahawa kewujudan masjid al-Haram dan masjid al-Aqsa itu lebih awal daripada masjid-masjid lain dimuka bumi ini. Manakala *Isra'* Baginda s.a.w ke *Bait al-Maqdis* dan *Mirajnya* ke langit telah berlaku sebelum hijrahnya baginda Rasulullah s.a.w ke Madinah, yang mana peristiwa ini berlaku pada 27 Rejab malam Isnin tahun 621M.¹⁵² Masjid ini bukan sahaja suci dan penting bagi umat Islam, akan tetapi ianya juga suci dan penting bagi umat Nasrani dan juga Yahudi.

Menurut riwayat, masjid ini didirikan oleh Nabi Sulayman a.s, sebagaimana juga masjid al-Haram mula-mula di dirikan oleh Nabi Ibrahim a.s. Tetapi ada juga yang menerangkan bahawa kedua masjid tersebut pertama kalinya didirikan oleh Nabi Adam a.s, dan kamudiannya anak-anak cucunya.¹⁵³ Adapun Nabi Ibrahim a.s adalah sebagai anak cucu keturunan Nabi Adam a.s pergi ke tanah Arab, lalu memperbaharui tapak bangunan *Bait Allah* (Ka'bah), sedangkan Nabi Sulaiman a.s pergi ke Palestin, lalu ia memperbaharui bangunan masjid al-Aqsa.¹⁵⁴

¹⁵² Muhammad Rida., *op cit.*, hal. 114.

¹⁵³ Al-Zarkasyi., *I'lām.*, hal. 30.

¹⁵⁴ Prof. Dr. H. Harun Nasution, *Ensiklopedi..*, hal. 639.

Menurut sejarah pembangunan masjid al-Aqsa ini, ianya dibangunkan di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh seorang yang bernama Nasuha. Nasuha mewakafkan tanahnya itu kepada Nabi Daud *a.s* untuk kepentingan pembangunan masjid. Pada mulanya, Nasuha telah meminta pembayaran untuk tanahnya itu dengan harga yang mahal kepada Nabi Daud *a.s*, iaitu berupa emas yang ditaburkan seluas 4,000 kaz. Tetapi menyedari bahawa tanah itu digunakan untuk tujuan kepentingan tempat beribadat, maka akhirnya beliau mewakafkannya sahaja kepada Nabi Daud *a.s.*¹⁵⁴

Adapun makna al-Aqsa dalam bahasa Arab dari segi bahasa dan istilahnya ialah bermakna lebih jauh. Ianya merupakan sifat bagi masjid itu sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-Isra' ayat: 1 di atas. Sifat jauhnya masjid ini membuktikan bahawa jarak antara masjid al-Haram dengan masjid al-Aqsa itu jauh sekali dan tidak boleh sampai antara keduanya dalam sekelip mata sahaja, akan tetapi ianya memakan masa yang lama sehingga berminggu-minggu atau berbulan-bulan pada ketika itu.

Masjid al-Aqsa juga merupakan tempat yang diberkati oleh Allah *s.w.t*, kerana padanya diturunkan Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul Allah serta mempunyai tanahnya yang subur. Di samping itu masjid al-Aqsa juga merupakan kiblat yang pertama bagi

¹⁵⁴ H. Aboebakar, *Sedjarah Mesdjid..*, hal. 43, 45.

Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul sebelum dipindahkan ke Masjid al-Haram pada 15 Sya'ban tahun 2 H iaitu selepas 18 bulan daripada hijrah Rasulullah s.a.w bersamaan dengan bulan November 623 M.¹⁵⁶ Kisah berlakunya pertukaran kiblat ini telah disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Ishaq beliau berkata:

سمعت البراء يقول: صلينا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم خوا
بيت المقدس ستة عشر شهراً أو سبعة عشر شهراً. ثم صرفا نحونا
النحو¹⁵⁷.
الكتيبة.

Terj: *Saya mendengar al-Barra' pernah mengatakan: Kami sempat bersembahyang bersama-sama Rasulullah s.a.w menghadap ke arah Bait al-Maqdis selama enam belas bulan atau tujuh belas bulan. Kamudian kami disuruh untuk berpaling ke Ka'bah.*

1.5.3 Masjid al-Qiblatayn

Masjid ini terletak di Madinah al-Munawwarah. Di namakan al-Qiblatayn kerana di dalamnya mempunyai dua arah kiblat, dengan kata lain "berkiblat dua". Walaupun masjid *al-Nabawi* dan masjid Quba' mempunyai dua arah kiblat, akan tetapi masjid ini mengikut sejarahnya dan riwayat adalah tempat berlakunya peristiwa

¹⁵⁶ Muhammad Rida, *op cit.*, hal. 146.

¹⁵⁷ Muslim., *op cit.*, *Kitab al-Masajid*, *Bab Tahwil al-Qiblat min al-Quds ila al-Ka'bah*, bil. 12/525., 1: 313.

turunnya wahyu yang memerintahkan kepada Nabi Muhammad *s.a.w* untuk memindahkan kiblat tempat menghadap sembahyang orang-orang Islam pada ketika itu dari *Bait al-Maqdis* ke *Bait Allah al-Harām* (*Ka'bah*) di Mekah. Peristiwa ini berlaku pada tahun 2 H bersamaan dengan November, 623 M.¹⁵⁷

Terdapat dua riwayat yang berbeza mengenai waktu dan tempat diturunkan wahyu dan perintah pemindahan kiblat. Satu riwayat mengatakan bahawa berlakunya peristiwa itu sewaktu Baginda Rasulullah *s.a.w* bersembahyang subuh di masjid Quba' tiba-tiba turun perintah dari Allah untuk mengalihkan kiblat dari *Bait al-Maqdis* ke *Masjid al-Harām* (*Ka'bah*). Peristiwa ini menyebabkan Nabi *s.a.w* secara penuhnya dan untuk pertama kalinya mengerjakan sembahyang subuh tersebut menghadap ke *Masjid al-Harām* (*Ka'bah*). Kejadian ini telah disebutkan dalam sebuah hadis yang bersumber daripada Ibn 'Umar *r.a* beliau berkata:

الله أعلم

يَنِمَا النَّاسُ فِي صَلَاةِ الصَّبَحِ بَقِيَاءً إِذْ جَاءُهُمْ آتٍ فَقَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْلَّيْلَةَ. وَقَدْ أَمَرَ أَنْ يَسْتَقْبِلَ الْكَعْبَةَ فَاسْتَقْبَلُوهَا . وَكَانَتْ وُجُوهُهُمْ إِلَى الشَّامِ. فَاسْتَدَارُوا إِلَى الْكَعْبَةِ.

¹⁵⁸

¹⁵⁷ Muhammad Ridā, *op cit.*

¹⁵⁸ Muslim., *op cit.*, *Kitāb al-Masājid*, *Bāb Tahwil al-Qiblah min al-Quds ila al-Ka'bah*, bil. 13/526., 1: 313.

Terj: Ketika orang-orang sedang melakukan sembahyang subuh di Quba', telah datang seorang yang menghabarkan bahawa malam tadi rasulullah s.a.w telah di turunkan satu ayat yang memerintahkan supaya beliau menghadap ke Ka'bah, maka mereka pun sama-sama menghadapnya. Maka mereka yang pada mulanya menghadap ke Syam, maka mereka berputar menghadap ke Ka'bah.

Adapun riwayat yang lain menyebutkan bahawa perintah untuk mengalihkan arah tuju kiblat itu turun sewaktu Nabi s.a.w mengerjakan sembahyang Zohor, di masjid Bani Salimah (masjid al-Qiblatayn), iaitu dua raka'at pertama menghadap ke masjid al-Aqsa, dan dua sisa raka'at sembahyang lagi Nabi s.a.w berbalik menghadap masjid al-Haram.¹⁵⁹

Jika dilihat dari dua fakta yang timbul dari dua riwayat di atas, nampaknya lebih berkemungkinan bahawa realiti riwayat pertama berlaku di masjid Quba' adalah nyata. Walau bagaimanapun, apa pun yang terjadi memang nyata bahawa kedua masjid tersebut mempunyai atau memiliki dua arah kiblat (mihrab) yang menuju ke *Bait Maqdis* dan *Bait Allah al-Haram* (*Ka'bah*).

¹⁵⁹ Prof.Dr. H. Harun Nasution d.kk., *Ensiklopedi..*, hal. 648.

1.5.4 *Jāmi'* ‘Amru Ibn al-‘Āṣ

Jāmi' ‘Amru Ibn al-‘Āṣ dianggap sebagai masjid yang ke empat didirikan dalam Islam selepas masjid-masjid Madinah, Kufah dan Basrah. Ianya didirikan pada tahun 21H bersamaan dengan tahun 642 M.¹⁶¹ *Jāmi'* ini dibina sendiri oleh ‘Amru Ibn al-‘Āṣ di Fustat selepas pembukaan Mesir.¹⁶²

Jāmi' atau masjid ini terkenal sebagai pusat pengajian ilmu pengetahuan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan agama Islam hingga ke Maghribi, Afrika dan Andalus. Di antara ilmu-ilmu yang diajarkan di masjid ini termasuklah ilmu *Fiqh*, *Tafsir*, *Hadith*, Sejarah Islam, ilmu pengetahuan Am dan sebagainya. Sementara guru pertama yang mengajar di masjid ini ialah ‘Abd Allah Ibn ‘Amru Ibn al-‘As yang diperintahkan oleh khalifah ‘Umar Ibn al-Khattab ^{r.a} untuk mengajar orang-orang di Mesir tentang hukum-hukum dalam Islam.¹⁶³

Menurut ahli sejarah pada tahun 326 H, adalah bagi Imam Syafi'i telah mengadakan sehingga lima belas halaqah di masjid ini, begitu juga Imam Malik dan

¹⁶¹ ‘Abd Allah Qāsim al-Wasyī, *al-Masjid wa Dauruh al-Ta‘līmī ‘Abr al-‘Usūr min Khilāl al-Halq al-‘Ilmiyāt*, San‘a’, 1988., bil. ii., cet. i., hal. 48.

¹⁶² *Ibid.*, hal. 46. Lihat juga, Dr. Yusuf Syukri Farhat, *op cit.*, hal. 45.

¹⁶³ *Ibid.*

juga daripada pengikut-pengikut Imam Abu Hanifah.¹⁶⁴ Begitulah berlariutannya aktiviti masjid ini sebagai pusat ilmu dan penyebaran ilmu hingga zaman yang terdekat ini.

1.5.5 *Al-Jāmi'* al-Umawi

Masjid ini telah didirikan di Damsyik negeri Syam, iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah Bani Ummaiyah oleh al-Walid Ibn 'Abd al-Malik. Masjid ini mempunyai namanya yang berbagai-bagai seperti *Jāmi'* *Dimasq*, *Jāmi'* *Bani Ummaiyah*, *al-Jāmi'* *al-Umawi* dan *al-Jāmi'* *al-Ma'mor*.¹⁶⁵

Masjid ini telah dibina atas tapak lama tempat suci orang-orang Rom (temple) yang kemudiannya bertukar menjadi gereja bagi orang-orang Nasrani.¹⁶⁶ Setelah Islam tersibar luas di Syam, al-Walid Ibn 'Abd al-Malik telah merubuhkan kesemua tempat-tempat suci itu dan dibangunakan padanya masjid. Tempat-tempat suci itu dirubuhkan berdasarkan kepada firman Allah:

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ Taha al-Wali, *op cit.*, hal. 430.

¹⁶⁶ *Ibid.* hal. 431.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسُكُمْ لَا يُضِيرُكُمْ مِنْ ضَلَالٍ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ
 إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيَبْيَكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ.¹⁶⁷

Terj: *Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri mendapat hidayah pertunjuk (ta'at mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kamudian ia akan menerangkan kepada kamu (balasan) apa yang kamu telah lakukan.*

Setelah masjid ini siap ia adalah merupakan pusat terpenting daripada pusat-pusat kebudayaan dan menjadi salah satu masjid yang empat iaitu masjid al-Aqsa, masjid al-Qurtubah dan *Jāmi'* al-Azhar yang menerima pelajar-pelajar pada zaman itu daripada orang-orang Islam dan bukan Islam.

1.5.6 *Al-Jāmi'* al-Azhar

Al-Jāmi' al-Azhar telah dibina oleh Jauhar al-Siqli, iaitu seorang penglima askar Mesir setahun selepas pembukaan Mesir pada zaman Fatimiyah. Perletakan batu asas masjid ini telah dilakukan pada hari sabtu 14 Ramadan, 359 H. bersamaan 3

¹⁶⁷ S. al-Mā'idah : A. 105.

April, 970 M.¹⁶⁸ Proses pembinaannya telah pun siap dalam masa dua tahun dan telah dibuka untuk sembahyang buat pertama kalinya pada 17 Ramadan, 361 H bersamaan dengan Jun 972 M.

Al-Jāmi' al-Azhar ini pada mulanya diberi nama lain, iaitu Masjid *Jāmi'* al-Kaherah, sempena dengan nama bandarayanya al-Kaherah (*Cairo*). Setelah itu ianya ditukar dengan nama *al-Jāmi'* al-Azhar bersempena dengan nama Siti Fatimah al-Zahra' anak perempuan Rasulullah s.a.w.

Al-Jāmi' al-Azhar ini terkenal di seluruh dunia sebagai masjid yang tertua dan berfungsi sebagai pusat pengajian tinggi atau Universiti tertua di dunia yang mencapai usianya ke 1.026 tahun pada tahun 1998. Pada zaman pemerintahan al-'Aziz Nazar tahun 365-386 H (976-996 M) ianya dikembangkan menjadi Institut atau Ma'had 'Ilmi dan juga tempat menampung orang-orang fakir pada waktu itu dan sehingga masa kini menjadi *al-Jāmi'* al-Azhar al-Syarīf (Universiti al-Azhar).

Selama lebih 10 abad pembangunan *al-Jāmi'* al-Azhar ini berfungsi, ianya terus memberikan khidmat yang cemerlang dalam bidang ilmu pengetahuan kepada seluruh dunia Islam, di mana ia telah pun mengeluarkan beribu-ribu tokoh Islam, Alim Ulama, yang terkemuka dalam berbagai bidang pengajian Islam dan ilmu

¹⁶⁸ Taha al-Wali, *op cit.*, hal. 473.

pengetahuan. Di antara guru-guru yang terkemuka pernah dan mula-mula mengajar di masjid ini ialah Ya'kub Ibn al-Kalsi, seorang menteri pada tahun 369 H (980 M), Ibn al-Haitam seorang tokoh matematik Islam yang terkenal pada tahun 386 H (996 M). Manakala Syeikh al-Azhar yang pertama ialah al-Syeikh Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Abd Allah al-Khurasyi yang meninggal pada 26 Zulhijjah 1101 H bersamaan dengan tahun 1689 M.¹⁶⁹

1.6 Kesimpulan

Pada dasarnya konsep masjid menurut *al-Sunnah* itu ialah setiap tempat dari permukaan bumi ini adalah masjid. Konsep masjid dalam definisinya yang umum ini, membawa makna sujud atau bersembahyang menyembah Allah itu, diharuskan kepada umat Nabi Muhammad *s.a.w* melakukannya dimana-mana sahaja apabila tiba waktunya. Ini adalah merupakan *syariat* Allah *s.w.t* yang hanya diberikan kepada umat Nabi Muhammad *s.a.w* sahaja.

Adapun masjid pada maknanya yang khusus ialah mana-mana tempat atau kawasan yang diniatkan padanya dan dikhususkan untuk dijadikan sebagai masjid. Peristiwa awal terjadinya pembinaan masjid ini hanya berlaku selepas 13 tahun usia

¹⁶⁹ *Ibid.*, hal. 516.

agama Islam diperintahkan kepada Nabi Muhammad *s.a.w* untuk disebarluaskan. Kelewatan ini adalah disebabkan lewatnya penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad *s.a.w*, yang hanya diperintahkan untuk mendirikan masjid setelah berlakunya hijrah Rasulullah *s.a.w* ke Madinah.

Konsep masjid dalam erti katanya yang sebenar, telah dipraktiskan penggunaannya dan perlaksanaannya pada zaman Rasullah *s.a.w* dan para sahabat *r.a* sebagai contoh dan ikutan kepada umat Islam seterusnya. Dengan berkembangnya ajaran agama Islam dan bertambah pesatnya bilangan orang-orang Islam itu sendiri, konsep beberapa institusi masjid seperti Masjid *Jami*, Masjid dan Surau (*Musalla*), telah mengalami perubahan dari segi penggunaannya daripada realiti yang sebenarnya. Ini dapat di lihat kepada hukum-hukum masjid itu sendiri, kebanyakan ulama mengatakan surau (*musalla*) itu tidak termasuk hukum masjid.



Pembinaan masjid tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan ajaran agama Islam itu sendiri. Ini membuktikan bahawa masjid itu adalah benteng atau lambang keteguhan *syiar* agama Islam di sesuatu tempat itu. Selain daripada tuntutan agama, pembinaan masjid itu merupakan tanda yang menunjukkan wujudnya orang-orang beriman dan menjadi *syiar* yang menyinar kepada sesebuah tempat itu. Berdasarkan kepada inilah, ganjaran pahala bagi orang-orang yang mendirikan masjid itu mendapat - balasan yang berlipat-ganda di Syurga kelak, sebagaimana yang dijanjikan dalam banyak *hadith-hadith* Rasulullah *s.a.w*.

Kepesatan perkembangan ajaran agama Islam kemerata tempat, menunjukkan perubahan telah berlaku dari semua segi dan aspek kehidupan umat Islam. Begitulah juga masjid, ianya tidak terlepas daripada perubahan-perubahan sebagaimana berubahnya masa dan zaman. Dalam kajian ini mendapati, bahawa Islam sebagai agama yang bersifat universal, sekali-kali tidak menulak realiti pembangunan dan perkembangan dunia. Ini dapat di lihat, apabila pembangunan masjid-masjid telah mengalami perubahan-perubahan besar dalam infrastrukturnya daripada asal usalnya yang sebenar. Faktor masa, budaya setempat dan iklim, telah menjadi penyebab kepada perubahan ini. Meskipun perubahan demi perubahan berlaku kepada infrastruktur pembangunan masjid-masjid, namun ini adalah satu kemajuan dan realiti yang mesti diterima oleh masyarakat. Apa pun bentuk yang direka dan dibuat, yang penting ia tidak menjaskan fungsi dan peranannya sebagai matalamat pembinaannya.